



AMDI MAGAZINES

VOLUME 5

2024

ISSUE 2

DECEMBER

e-ISSN : 2735-041X

Collaboration, Community,
Achievement, Expert Column



<https://news.amdi.usm.my/>

PAINTING

Lawatan Rektor Universitas Yarsi, Jakarta, Indonesia ke IPPT dan PPUSMB Beri Peluang Teroka Kolaborasi Bersama

Collaboration

15 JULY 2024 / BY NUR AQILAH BINTI TAJUL ASHIKIN



LAWATAN UNIVERSITAS YARSI

📷 Photo By NORIZAN ISHAK

PPUSMB, Bertam, July 15 2024 –

PPUSMB menerima lawatan Profesor Dr. Fasli Jalal iaitu Rektor, Universitas YARSI, Jakarta, Indonesia sempena dengan kehadiran pertama seramai empat orang pelajar Ijazah Sarjana Genetik Kaunseling Sarjana Sains Bioperubatan universiti berkenaan yang akan menjalani latihan praktikal di Pusat Perubatan Universiti Sains Malaysia Bertam (PPUSMB) selama dua minggu bermula 15 Julai 2024 sehingga 26 Julai 2024.



Photo By Norizan Ishak
Lawatan Universitas Yarsi

Delegasi lawatan disambut baik oleh Profesor Madya Dr. Bakiah Shaharuddin yang Menjalankan Fungsi Pengarah IPPT dan PPUSMB. Perbincangan dua hala antara kedua-dua buah universiti membuahkkan cadangan potensi kolaborasi yang amatkan memberangsangkan merentasi bidang akademik, penyelidikan bersama, libatsama komuniti, dan lain-lain yang boleh diteroka bersama.

Program latihan praktikal pelajar yang akan berlangsung selama dua minggu ini akan dipenuhi dengan pelbagai aktiviti pembelajaran antaranya berkaitan Primary Immunodeficiency Clinic (PID) yang akan dikendalikan oleh Dr. Intan Juliana Abd Hamid, General Paediatric Clinic oleh Dr. Nur Arzuar Abdul Rahim dan Dr. Suria Emilia Suhana Othman Tan, Perbincangan Kes oleh Dr. Ahzad Hadi Ahmad dan Prof Dr. Narazah Mohd Yusoff, Cytogenetics/ Molecular Genetics Laboratory (Safety Briefing & Introduction Session) dan (Introduction to Fluorescence in Situ Hybridization (FISH) Technique) yang akan dikendalikan oleh Dr. Ahzad Hadi Ahmad selaku Pegawai Perubatan Kanan dan Ketua Unit Diagnostik Molekul CDL. Manakala pada minggu kedua latihan industri ini, para pelajar akan menjalankan sesi latihan dan perbincangan kes oleh pensyarah/pegawai perubatan yang terlibat iaitu Dr. Ahzad Hadi Ahmad dan Prof Dr. Narazah Mohd Yusoff.



Photo By Norizan Ishak
Lawatan Universitas Yarsi

Pelajar akan turut menjalani latihan di beberapa bahagian seperti makmal Sitogenetik/Genetik Molekul (Cytogenetics/Molecular Genetics Laboratory) serta Klinik Pediatrik Am.

Hadir sama adalah Profesor Dr. Narazah Mohd Yusoff, Profesor Dr. Mohd Nazalan Mohd Najimuddin, Profesor Madya Dr. Noor Khairiah A. Karim, Dr. Ida Shazrina Ismail, Dr. Nur Arzuar Abdul Rahim, Dr. Intan Juliana Abd Hamid, Dr. Muhammad Amir Yunus serta Puan Naziroh Shafii.

Teks: Nur Aqilah Tajul Ashikin

Disunting oleh : Naziroh Shafii

Foto: Norizan Ishak

Pusat Media & Perhubungan Awam

Institut Perubatan dan Pergigian Termaju

Universiti Sains Malaysia

15 Julai 2024

KUNJUNGAN DELEGASI XINXIANG MEDICAL UNIVERSITY (XXMU) MEMPERKUKUHKAN HUBUNGAN KERJASAMA DENGAN USM YANG TERJALIN LEBIH DARIPADA 10 TAHUN

Collaboration

21 AUGUST 2024 / BY NUR AQILAH BINTI TAJUL ASHIKIN



Kunjungan Delegasi

Photo By NORIZAN ISHAK

PPUSMB & USM, August 21 2024 –

USM PULAU PINANG, 21 Ogos 2024 – Universiti Sains Malaysia (USM) hari ini menerima kunjungan delegasi dari Xinxiang Medical University (XXMU), China pada 21 Ogos 2024. Lawatan ini bertujuan untuk mengukuhkan hubungan kerjasama antara kedua-dua institusi dalam bidang perubatan dan penyelidikan.

Lawatan kunjungan dimulai dengan sesi lawatan ke Unit Onkologi Pusat Perubatan USM Bertam (PPUSMB) di mana delegasi diberikan penerangan berkaitan BrachyAcademy yang dikendalikan oleh Dr. Muhamad Yusri Musa dan Profesor Madya Dr. Gokula Kumar Appalanaidu. Kunjungan delegasi diteruskan dengan sesi perbincangan melibatkan pembentangan oleh Profesor Madya Dr. Hasni Arsad, Timbalan Pengarah Penyelidikan dan Jaringan IPPT, USM dan Profesor Madya Dr. Badrul Hisham Yahaya, Ketua Penyelaras Kolaborasi USM-XXMU. Sesi ini juga merangkumi dialog bersama pensyarah dan pelajar di bawah jaringan kolaborasi IPPT-XXMU.



Photo By NORIZAN ISHAK
Kunjungan Delegasi

Kemuncak kepada delegasi ini adalah perjumpaan dengan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) USM, Profesor Dr. Habibah Binti A Wahab mewakili Naib Canselor USM, Professor Dato' Seri Ir. Dr. Abdul Rahman Mohamed, yang bertempat di Bangunan Canselori, Kampus Induk USM. Acara ini melibatkan sesi pertukaran dokumen Memorandum Perjanjian (MOA), kerjasama antara USM dan XXMU bagi tempoh 2024 sehingga 2029, bagi meneruskan kolaborasi yang telah terjalin semenjak tahun 2013, melebihi 10 tahun dalam usaha memperkukuhkan hubungan kerjasama antara kedua-dua buah universiti. Dalam perjanjian kerjasama 10 tahun yang lalu, kolaborasi antara kedua-dua buah institusi ini melibatkan dalam bidang penyelidikan berfokuskan kepada bioperubatan dan klinikal bagi pengajian doktor falsafah.



Photo By NORIZAN ISHAK
KUNJUNGAN

Melalui kerjasama antara USM dan XXMU, kedua-dua pihak bertanggungjawab dalam melatih calon PhD daripada XXMU yang terdiri daripada calon-calon yang disaring oleh XXMU sama ada terdiri daripada para pensyarah mereka sendiri dan juga calon muda bakal pensyarah di XXMU dengan syarat yang ketat di kenakan

dalam pemilihan calon oleh pihak XXMU. Calon-calun pengajian PhD dari XXMU ini akan berdaftar pengajian mereka di IPPT USM yang melibatkan penyeliaan bersama antara pihak USM dan XXMU. Pelajar akan berada di XXMU untuk menjalankan penyelidikan dan menyambung penyelidikan mereka pula di IPPT USM Bertam sehingga selesai pengajian PhD mereka.

Sehingga kini, 9 calon telah berjaya tamat pengajian mereka di USM dan dianugerahkan ijazah Doktor Falsafah oleh USM, manakala lebih daripada 5 orang calon sedang menunggu viva voce.

Sehingga kini, lebih daripada 20 pelajar PhD masih aktif menjalankan kajian mereka melalui kerjasama ini.



Photo By NORIZAN ISHAK
KUNJUNGAN DELEGASI

Sesi pertukaran dokumen MOA telah disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) USM, Profesor Dr. Habibah Binti A Wahab kepada Naib Presiden XXMU, Profesor Dr. Wang Hui sempena lawatan kerja XXMU ke USM. Hadir sama dari XXMU yang menyaksikan penyerahan ini adalah Dekan Pusat Pengajian Siswazah, Profesor Dr. Gi Guangjun dan Dekan Hospital Gabungan Kedua, Profesor Dr. Meng Yong. Sesi perbincangan kerjasama antara kedua-dua universiti turut dihadiri oleh Timbalan Pengarah (Penyelidikan dan Jaringan) IPPT, Profesor Madya Dr. Hasni Arsad; Profesor Madya Dr. Badrul Hisham Yahaya, selaku Ketua Penyelaras; Dr. Nor Hazwani Ahmad sebagai Pembantu Penyelaras; Profesor Madya Dr. Fatanah Mohamad Suhaimi sebagai Ketua Seksyen Inovasi dan Jaringan; Dr. Rafeezul Mohamed serta Ketua Pejabat Pengarah dan Pusat Media & Perhubungan Awam, Puan. Naziroh Shafii.

Habibah dalam ucapannya berkata, IPPT USM-XXMU telah berjaya mengekalkan persahabatan yang kukuh selama lebih sedekad dan ini merupakan suatu pencapaian cemerlang oleh kedua-dua pihak yang telah banyak memberi manfaat kepada pelajar dan pensyarah di kedua-dua universiti.

“Sejak penandatanganan rasmi kerjasama ini pada 2013, lebih daripada 25 pelajar PhD telah mengambil bahagian dalam penyeliaan bersama antara kedua-dua buah universiti ini, menghasilkan lebih 30 penerbitan bersama dalam jurnal profail tinggi dan penganjuran bersama seminar bioperubatan yang dianjurkan secara atas talian.” katanya.

Menurutnya lagi, melalui kerjasama aktif ini akan meningkatkan lagi mobiliti pelajar dan kakitangan melalui program pertukaran, latihan amali, dan pengalaman pembelajaran secara langsung di kedua-dua universiti, USM dan XXMU dan secara tidak langsung, inisiatif sebegini akan menggalakkan lagi persefahaman silang budaya dan memupuk pembangunan bakat profesional untuk semua pihak yang terlibat.

Bersesuaian dengan Pusat Perubatan Universiti Sains Malaysia Bertam (PPUSMB) yang mempunyai kepakaran dalam perawatan kanser, kerjasama ini dilihat mampu memberikan pendedahan yang komprehensif kepada pelajar perubatan XXMU untuk melihat perkembangan perawatan kanser terutamanya kanser payudara, tekak dan hidung, usus, lidah dan hati di IPPT sesuai dengan IPPT sebagai satu-satunya pusat latihan brakiterapi antarabangsa di Asia.

Menurut Badrul Hisham yang merupakan Penyelaras Kerjasama IPPT USM-XXMU, pihak XXMU berminat untuk mengadakan kerjasama yang lebih meluas melibatkan pelajar ijazah perubatan di XXMU untuk mendapat pendedahan luar terutamanya di Malaysia melalui bantuan USM.



Photo By NORIZAN ISHAK
KUNJUNGAN DELEGASI

Selain itu, pihak XXMU juga berminat untuk bekerjasama dengan pihak USM dalam pembangunan kurikulum baharu dalam bidang Perubatan, Pergigian, Kejururawatan dan Rehabilitasi.

Manakala bagi bidang penyelidikan pula, melalui perjanjian yang diperbaharui ini terdapat 5 penumpuan bidang tujahan kerjasama antara IPPT USM-XXMU yang turut

akan menjadi asas kepada pemilihan pelajar yang akan diselia bersama kedua-dua pihak iaitu:

- i. Breast Cancer Translational Program at IPPT (BCTRP@IPPT)
- ii. Emerging Infectious Disease: Preparation for Disease X
- iii. Advanced Management of Liver Malignancies (Liver-ENRICH)
- iv. Dementia Multidisciplinary Research Program of IPPT (DMR-IPPT)
- v. Heart Failure Research Program

Delegasi ini dijangka membuka peluang baharu untuk kerjasama penyelidikan, akademik, dan inovasi dalam bidang sains kesihatan dan perubatan antara USM, Malaysia dan XXMU, China. Ia juga mencerminkan komitmen USM dalam memperkasakan hubungan antarabangsanya dan memperkukuh kedudukannya sebagai institusi pendidikan tinggi yang terkemuka di rantau ini.

Tambah Badrul Hisham, teknologi dalam bidang kajian bioperubatan yang dimiliki oleh XXMU dan kepakaran yang dimiliki oleh para pensyarah mereka yang dilatih oleh universiti terkemuka dunia merupakan kelebihan yang patut diambil oleh para pensyarah di USM dalam meningkatkan jaringan kerjasama antarabangsa terutamanya negara China melalui kerjasama ini supaya keterlihatan penyelidik dan USM lebih menyerlah melalui penerbitan yang berimpak tinggi oleh jurnal-jurnal terkemuka dunia.

Menurutnya lagi, pihak IPPT USM berbesar hati dengan komitmen dan kesungguhan daripada pengurusan pentadbiran XXMU yang terus memberi kepercayaan kepada USM dengan memeterai pembaharuan kerjasama untuk 15 tahun ini dan semoga kerjasama ini akan terus berkembang di antara kedua-dua buah institusi di rantau Asia.

Melalui Inisiatif kerjasama ini, secara tidak langsung dapat menyumbang kepada kemajuan sains kesihatan dan perubatan di peringkat global, sekaligus memberi impak manfaat yang tinggi kepada masyarakat.

Teks disediakan oleh: Nur Aqilah Tajul Ashikin

Teks disunting oleh: Profesor Madya Dr. Badrul Hisham Yahaya

Foto: Norizan Ishak

Pusat Media & Perhubungan Awam

Institut Perubatan dan Pergigian Termaju

Universiti Sains Malaysia

21 Ogos 2024

PENYERTAAN SUKARELAWAN HELWA IPPT KE PROGRAM TAUTAN MAHABBAH BINA PASUKAN HELWA USM

Collaboration

23 AUGUST 2024 / BY NUR LIANA BINTI ABU BAKAR



Sukarelawan HELWA IPPT yang menghadiri Program Tautan Mahabbah Bina Pasukan bergambar kenangan. Dari kiri Nur Liana, Norjana, Syazwani, Najwa Hazwani dan Nik Noramyrh Azlyn.

📷 Photo By SUKARELAWAN HELWA IPPT

PANTAI CAHAYA BULAN RESORT, KOTA BHARU KELANTAN., August 23 2024 -

HELWA ialah Hal Ehwal Wanita yang ditubuhkan di bawah Pusat Islam Universiti Sains Malaysia memainkan peranan penting dalam memperkasakan wanita dalam komuniti, universiti dan masyarakat umum. HELWA merancang dan melaksanakan program-program pembangunan modal insan berdasarkan al-Quran dan as-Sunnah di samping menumpukan pada peningkatan kemahiran kepimpinan wanita dan menyokong kesejahteraan keseluruhan wanita.

PROGRAM TAUTAN MAHABBAH BINA PASUKAN HELWA USM yang telah berlangsung

dengan jayanya melibatkan ahli HELWA USM dari Pusat Islam USM Kampus Induk ,Kampus Kejuruteraan, Kampus Kesihatan Kelantan dan sukarelawan Institut Perubatan dan Pergigian Termaju (IPPT) dan PPUSMB.



Photo By SUKARELAWAN HELWA IPPT

Sukarelawan HELWA IPPT yang menghadiri Program Tautan Mahabbah Bina Pasukan bergambar kenangan. Dari kiri Nur Liana, Norjana, Syazwani, Najwa Hazwani dan Nik Noramyrah Azlyn.

HELWA Pusat Islam Kampus Kesihatan USM Kelantan yang terpilih menjadi tuan rumah telah berjaya menganjurkan program ini dari 23 hingga 24 Ogos 2024 memilih Pantai Cahaya Bulan Beach Resort, Kota Bharu Kelantan sebagai lokasi program.

Matlamat utama program ini dilaksanakan adalah untuk menyantuni serta mengeratkan hubungan silaturrahim dan kerjasama antara semua ahli HELWA USM. Selain itu, program ini juga dapat membantu untuk menjana idea dan strategi baru untuk mencapai matlamat HELWA USM yang lebih dalam dari segi mental dan spiritual.



Photo By SUKARELAWAN HELWA IPPT

Para peserta bergambar bersama penganjur selepas aktiviti sukaneka di Pantai Cahaya Bulan.

Dalam ucapan perasmian oleh Prof Madya Dr Zaharah Sulaiman selaku Pengerusi HELWA Kampus Kesihatan kali ini, beliau berbesar hati melihat keterlibatan semua ahli HELWA USM yang telah hadir bagi memenuhi aktiviti program yang berlangsung selama 2 hari. Beliau juga telah memberikan pemahaman dan kepentingan ahli HELWA agar saling bantu membantu dan saling bekerjasama dalam merealisasikan visi dan misi HELWA USM.



Photo By SUKARELAWAN HELWA IPPT

Ustaz Mohammad Shukri Osman memberikan kata aluan.

Kehadiran Ustaz Mohammad Shukri Osman selaku Pengarah Pusat Islam USM juga telah memberikan semangat yang positif agar HELWA USM secara amnya akan memberikan kesan yang baik agar dapat menjadi contoh teladan kepada semua staf wanita khususnya.

Program ini sekaligus telah memberikan impak yang tinggi kepada peserta kerana dapat meningkatkan keyakinan diri serta memahami akan tanggungjawab sebagai muslimah. Selain itu, kesan positif dalam meningkatkan motivasi kepada peserta dalam ruang pecambahan ilmu dan idea secara terbuka. Ini secara langsung memberi impak yang lebih jelas kepada peserta untuk memainkan peranan mengikut tanggungjawab yang ada dari semasa ke semasa.

Pelbagai aktiviti sukaneka yang menarik seperti lontar bola ping pong, bowling kelapa dan bisikan salam telah dirancang oleh pihak penganjur di persisiran Pantai Cahaya

Bulan. Aktiviti yang nampak mudah ini, sebenarnya mencabar kemahiran dan semangat berpasukan semua ahli HELWA kerana suasana yang berangin di tepi pantai. Sudah pasti, ini memberikan satu pengalaman yang menyeronokkan buat semua peserta kerana dapat melakukan aktiviti di luar pejabat. Hormon endorfin, yang merupakan hormon 'bahagia' dalam badan dapat dihasilkan melalui aktiviti seperti ini dapat membantu mengurangkan tekanan di tempat kerja sekaligus dapat memzahirkan aura yang positif. Ini selaras dengan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) 3 yang digalakkan oleh USM, iaitu Kesihatan yang Baik dan Kesejahteraan (Good Health and Well-being).

Pertemuan selama 2 hari ini berjaya mengumpulkan kira-kira 38 peserta HELWA daripada keempat-empat kampus daripada pelbagai latar belakang terdiri daripada ahli akademik, pengurusan dan profesional dan staf pelaksana. Antara resolusi yang dapat dirumuskan dari Program Tautan Mahabbah Bina Pasukan USM ini ialah menjadikan Tautan Mahabbah sebagai aktiviti tahunan HELWA yang akan dibuat secara bergilir mengikut kampus dan mengadakan mesyuarat tahunan HELWA dari semua kampus pada awal tahun untuk merancang program HELWA dengan lebih sistematik dengan keterlibatan lebih ramai lagi ahli HELWA.

PROGRAM TAUTAN MAHABBAH BINA PASUKAN HELWA USM membuktikan HELWA USM komited untuk memperkasakan wanita melalui pelbagai aktiviti yang menyeluruh meliputi pembangunan peribadi, kesihatan, keusahawanan, pendidikan dan lain-lain lagi. Dengan menyediakan persekitaran yang menyokong dan memupuk peluang untuk pertumbuhan, HELWA USM memainkan peranan penting dalam meningkatkan status dan kemampuan wanita di dalam universiti dan komuniti yang lebih luas. Melalui usaha berterusan dan kerjasama, HELWA berusaha untuk mewujudkan warga USM yang lebih inklusif dan adil di mana wanita boleh berkembang dan mencapai potensi sepenuhnya.

Ditulis oleh Nur Liana Abu Bakar dan Syazwani binti Ismail, 2024

Lawatan Unit Pengurusan Penyelidikan, Fakulti Pergigian, Universiti Malaya (UM) ke Makmal Penyelidikan Berpusat (CRL), IPPT.

Collaboration

02 SEPTEMBER 2024 / BY SYAZWANI BINTI ISMAIL



Delegasi UM bergambar kenangan bersama staf CRL

📷 Photo By MPRC

SEMINAR ROOM, ARC AND CENTAL RESEARCH LAB (CRL), September 2 2024 –

2 September 2024, Unit Pengurusan Penyelidikan Fakulti Pergigian, Universiti Malaya (UM) telah mengadakan lawatan kerja ke Makmal Penyelidikan Berpusat (Central Research Laboratory, CRL) di Institut Perubatan dan Pergigian Termaju (IPPT). Lawatan ini diketuai oleh Timbalan Dekan Penyelidikan, Prof. Dr. Nor Adinar Baharuddin, yang pertama kali melawat IPPT pada tahun 2022, telah menarik minat beliau untuk mengetahui tentang pengurusan CRL. Kunjungan terdahulu telah memberi inspirasi kepada beliau untuk membawanya kali ini, terdiri daripada 18 kakitangan, termasuk Pegawai Sains dan Penolong Pegawai Sains, bagi memberi pendedahan kepada staf makmal tentang pengurusan makmal di IPPT.

CRL dilengkapi dengan kemudahan dan teknologi terkini di IPPT bagi menyokong aktiviti penyelidikan dalam pelbagai bidang antaranya adalah biologi molekul, kimia analitikal, sel kultur dan Biobahan. Prof Dr Nor Adinar mengambil peluang ini untuk meneroka sistem pengurusan makmal di CRL yang inovatif sekaligus meningkatkan

perkongsian pengetahuan bersama.

Sesi lawatan dimulakan dengan ucapan alu-aluan daripada Timbalan Pengarah (Penyelidikan & Jaringan) IPPT, Prof. Madya Dr. Hasni bin Arsad, yang mengalu-alukan kedatangan delegasi dari UM. Dalam ucapannya, Prof Madya Dr. Hasni menekankan kepentingan peranan Pegawai Sains dan staf makmal dalam pengurusan makmal yang cekap dan selamat. Beliau menyatakan bahawa Pegawai Sains bukan sahaja berperanan sebagai pengurus makmal, tetapi juga sebagai tulang belakang dalam memastikan kelancaran operasi penyelidikan, termasuk pengurusan peralatan berteknologi tinggi dan pematuhan kepada prosedur keselamatan makmal.



Photo By MPRC

Delegasi UM bergambar kenangan bersama staf CRL

Delegasi UM diberi peluang untuk melawat pelbagai makmal di CRL dan melihat secara langsung bagaimana pengurusan makmal yang sistematik menyokong penyelidikan yang efektif serta berkongsi pengalaman dan amalan terbaik dalam pengurusan makmal. Para peserta juga mendapat taklimat berkaitan teknologi terkini yang digunakan untuk menyokong kajian penyelidikan di IPPT. Lawatan ini turut membuka ruang untuk perbincangan mengenai potensi kerjasama dalam projek penyelidikan masa hadapan antara kedua-dua institusi.



Photo By MPRC

Antara gambar semasa lawatan

Prof. Dr. Nor Adinar Baharuddin, dalam ucapan balasnya, merakamkan penghargaan kepada pihak IPPT atas kesudian menerima kunjungan tersebut. Beliau juga menyatakan harapan agar lawatan ini menjadi titik tolak kepada lebih banyak kolaborasi yang bermanfaat dalam bidang penyelidikan antara UM dan IPPT.-(SDG 17). Beliau juga mengulas, “Lawatan ini bukan sahaja mengukuhkan hubungan kami dengan IPPT tetapi juga melengkapkan pasukan kami dengan pandangan yang lebih luas tentang pengurusan makmal”.

Secara keseluruhannya, lawatan ini berjaya mencapai matlamatnya dalam memupuk hubungan yang lebih erat antara dua institusi terkemuka dalam penyelidikan di Malaysia. Lawatan ini secara langsung menyokong SDG 4 dengan meningkatkan peluang pendidikan dan pembelajaran sepanjang hayat untuk kakitangan melalui pendedahan langsung kepada teknologi termaju di CRL. Tambahan pula, ia mempromosikan SDG 8 dengan memupuk pertumbuhan ekonomi melalui kemajuan penyelidikan. Selain itu, lawatan ini diharap dapat memperkayakan kemahiran dan pengetahuan para peserta dalam menguruskan makmal penyelidikan.

Syazwani binti Ismail dan Rafedah Abas, 2024.

IPPT BERKOLABORASI BERSAMA UNAIR ANJURKAN KOLOKIUUM PENYELIDIKAN DAN INOVASI PASCA SISWAZAH ANTARABANGSA IPPT-UNAIR KALI KE-8

Collaboration

11 SEPTEMBER 2024 / BY NUR AQILAH BINTI TAJUL ASHIKIN



AMDI-UNAIR

📷 Photo By NORIZAN ISHAK

AUDITORIUM SAINS@BERTAM, September 11 2024 -

KEPALA BATAS, PULAU PINANG, 12 September 2024 – Institut Perubatan dan Pergigian Termaju (IPPT) berkolaborasi bersama Universitas Airlangga (UNAIR) menganjurkan program kolokium pasca siswazah berperingkat antarabangsa pada 11 dan 12 September 2024 yang berlangsung di Auditorium Sains@Bertam. Kolokium yang dipengerusikan oleh Dr. Noor Ayuni Ahmad Shafiai, kali ini mengetengahkan tema “Innovate, Illuminate, Inspire: Showcasing Your Research Journey”.

Program ini bertujuan untuk menggalakkan pertukaran intelektual, menyediakan persekitaran untuk pelajar pasca siswazah membentangkan kerja penyelidikan dan memupuk pembangunan kemahiran penyelidikan dan hubungan profesional para pelajar.

Kolokium Penyelidikan & Inovasi Pasca Siswazah Antarabangsa IPPT-UNAIR ke-8 (AUPC 2024) berlangsung dengan jayanya secara maya dan fizikal iaitu dengan jumlah peserta seramai 119 peserta berdaftar dan seramai 103 peserta telah membuat pembentangan oral mengikut tema yang telah dipilih.



Photo By NORIZAN ISHAK
AMDI-UNAIR

Selain daripada sesi pembentangan yang berlangsung pada hari pertama program, kolokium ini turut diserikan dengan ucap tama oleh Profesor Madya Dr. Arifa Mustika, Pensyarah Farmakologi dari Fakulti Perubatan, UNAIR, dengan topik utamanya iaitu “Unveiling Tomorrow: Empowering Student Research for a Brighter Future”.

Kolokium diteruskan lagi dengan sesi plenari 1 yang disampaikan oleh Dr. Tan Aik Aun dengan topik ucapannya “Charting Your Course: Navigating the Path to Post- Study Success”. Manakala pada hari kedua, program diteruskan lagi dengan sesi plenari 2 oleh Dr. Ainul Mohsien yang bertajuk “Building Bridges: The Impact of Student Research on Community Growth and Well-being”.



Photo By NORIZAN ISHAK
AMDI-UNAIR

Peserta program dua hari ini bukan sahaja terdiri daripada pelajar USM malah turut disertai oleh beberapa buah institusi luar. Terdapat lapan (? buah Pusat Pengajian dari USM yang turut serta dalam kolokium kali ini. Antaranya adalah pelajar dari Institut Perubatan dan Pergigian Termaju (IPPT), Pusat Pengajian Sains Pergigian (PPSG), Pusat Pengajian Sains Perubatan (PPSP), Pusat Pengajian Sains Kesihatan (PPSK), Pusat Pengajian Sains Kimia, Pusat Pengajian Pengurusan, Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan dan Sumber Mineral serta Pusat Pengajian Sains Kajihayat.



Photo By NORIZAN ISHAK
AMD-UNAIR

Manakala peserta dari institusi luar pula terdiri daripada Universiti Airlangga (UNAIR), Universiti Andalas, Padang, Indonesia, Universiti Benghazi, Libya, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Universiti Teknologi Mara (UiTM) kampus Puncak Alam, Perlis dan Negeri Sembilan.

Kolokium ini turut memberi peluang kepada peserta untuk berinteraksi, mendengar pandangan dan nasihat daripada pakar-pakar terutamanya dalam bidang penyelidikan.

Sesi forum menampilkan En. Zainul Abeden sebagai moderator beserta dua orang panel dari Universiti Sains Malaysia (USM) iaitu Profesor Madya Dr. Badrul Hisham Yahaya dan Profesor Madya Dr. Noorfatimah Yahaya dan seorang panel dari Cytogenomics Sdn Bhd iaitu Dr. Mohamed Saleem yang menyempurnakan sesi forum bertajuk "Navigating the postgraduate Journey- Expectations between Supervisor and Student".

Majlis perasmian Kolokium Penyelidikan & Inovasi Pasca Siswazah Antarabangsa IPPT-UNAIR ke-8 disempurnakan oleh Profesor Madya Dr. Bakiah Shahrudin, Pengarah di Institut Perubatan dan Pergigian Termaju (IPPT).

Bakiah Shahrudin dalam ucapannya berkata, kolokium penyelidikan yang dijalankan ini adalah sebagai mercu tanda kerjasama antara IPPT dan UNAIR dalam usaha untuk memajukan ilmu pengetahuan sekaligus memberikan galakan kepada para pelajar untuk membentangkan penyelidikan mereka bersesuaian dengan tema kolokium tahun ini iaitu "Innovate, Illuminate, Inspire: Showcasing Your Research Journey".



Photo By NORIZAN ISHAK
AMDI-UNAIR

Beliau berharap melalui kolokium ini secara tidak langsung dapat menjadi sumber inspirasi dan ikatan persahabatan antara kedua-dua institusi ini akan terus terjalin.

Majlis penutup dan penyampaian hadiah kepada pemenang disampaikan oleh Dr. Ida Shazrina Ismail, Timbalan Pengarah (Akademik & Antarabangsa), IPPT mewakili Pengarah.

Seramai empat (4) peserta telah berjaya meraih anugerah sebagai "Best Oral Presenter" mengikut tema yang telah disampaikan. Antara penerima anugerah tersebut adalah Tan Yadan (Tema Sains Pergigian dan Perubatan), Ria Sandy Deneska (Tema Kesihatan Komuniti), Nursyamimi Nasuha Suhaimi (Tema Toksikologi) dan Zainul Abeden (Tema Sains Bioperubatan).

Setinggi-tinggi tahniah diucapkan daripada Pengarah dan seluruh warga Institut Perubatan dan Pergigian Termaju (IPPT) kepada semua penerima anugerah.

Teks oleh: Nur Aqilah Tajul Ashikin

Teks disunting oleh: Dr. Noor Ayuni Ahmad Shafiai & Dr. Asmida Isa

Foto oleh: Norizan Ishak

12 September 2024

**PPUSMB TERIMA LAWATAN KUNJUNGAN HORMAT
PENGARAH KESIHATAN NEGERI PULAU PINANG
PERKUKUHKAN INTEGRASI DALAM PENYAMPAIAN
PERKHIDMATAN KESIHATAN ANTARA JKN DAN PPUSMB**

09 OCTOBER 2024 / BY NUR AQILAH BINTI TAJUL ASHIKIN



lawatan kunjungan dari Pengarah Kesihatan Negeri Pulau Pinang

📷 Photo By NORIZAN ISHAK

PPUSMB, October 9 2024 –

BERTAM, PULAU PINANG, 09 Oktober 2024- PPUSMB hari ini, menerima lawatan kunjungan dari Pengarah Kesihatan Negeri Pulau Pinang, Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Pulau Pinang yang membuat kunjungan hormat ke Pusat Perubatan USM Bertam, Institut Perubatan dan Pergigian Termaju.



Photo By NORIZAN ISHAK

lawatan kunjungan dari Pengarah Kesihatan Negeri Pulau Pinang

Delegasi lawatan disambut baik oleh Profesor Madya Dr. Noor Khairiah A. Karim merupakan Timbalan Pengarah (Klinikal, Kelestarian & Piawaian) PPUSMB; Profesor Madya Dr. Norehan Mokhtar selaku Ketua Bahagian Perkhidmatan Pergigian PPUSMB bersama Ketua-Ketua Unit PPUSMB.



Photo By NORIZAN ISHAK

lawatan kunjungan dari Pengarah Kesihatan Negeri Pulau Pinang

Antara intipati kunjungan adalah untuk meninjau usaha ke arah integrasi penyampaian perkhidmatan kesihatan di Pulau Pinang selaras dengan Dasar Kesihatan Pergigian. Turut dininbangkan ialah strategi mengoptimalkan sumber seperti kepakaran dan fasiliti di antara Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Pulau Pinang dan PPUSMB.



Photo By NORIZAN ISHAK

lawatan kunjungan dari Pengarah Kesihatan Negeri Pulau Pinang

Seramai lima orang delegasi yang diketuai oleh YBhg. Dato' Dr Fazilah Shaik Allaudin, Pengarah Kesihatan Negeri Pulau Pinang JKN Pulau Pinang; Dr. Rozihan Mat Hasan@Husin, Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian) Bahagian Kesihatan Pergigian JKN Pulau Pinang; Dr. Tan Suk Mei, Pegawai Pergigian, Bahagian Kesihatan Pergigian JKN Pulau Pinang, Dr. Vioven Kuna a/I Kunasagaran, Pegawai Pergigian, Bahagian Kesihatan Pergigian JKN Pulau Pinang dan Encik Mohd Salehuddin bin Mat II, Juruteknologi Pergigian Bahagian Kesihatan Pergigian JKN Pulau Pinang.



Photo By NORIZAN ISHAK

lawatan kunjungan dari Pengarah Kesihatan Negeri Pulau Pinang

Semua delegasi yang hadir kemudiannya dibawa melawat ke Klinik Perubatan Pakar, Klinik Pergigian Pakar, Unit Rehabilitasi, Unit Onkologi, Unit Perubatan Nuklear, Makmal Diagnostik Klinikal, Unit Imejan dan Unit Persakit Dalam PPUSMB.

Melalui lawatan delegasi ini secara tidak langsung dapat memperkukuhkan integrasi penyampaian perkhidmatan kesihatan pergigian antara Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Pulau Pinang dan Pusat Perubatan USM Bertam dalam usaha mencapai Dasar Kesihatan Pergigian Kebangsaan di samping memperkenalkan perkhidmatan PPUSMB, kepada pelbagai lapisan masyarakat.

Teks disediakan oleh : Sharifah Fawziah Al-Gadri Syed Mahdzor & Nur Aqilah Tajul Ashikin

Teks disunting oleh : Profesor Madya Dr. Norehan Mokhtar

Foto: Norizan Ishak

Pusat Media & Perhubungan Awam

Institut Perubatan dan Pergigian Termaju

Universiti Sains Malaysia

09 Oktober 2024

**PPUSMB ANJURKAN SAMBUTAN HARI HOSPIS DAN
PENJAGAAN PALIATIF SEDUNIA 2024 DAN MAJLIS
PENANDATANGAN PLAK KERJASAMA PPUSMB DENGAN
ORGANISASI LUAR BAGI PROGRAM “FELLOWSHIP IN
PALLIATIVE CARE NURSING”**

Collaboration



WHPCD 2024

📷 Photo By NORIZAN ISHAK

PADANG POLO, GEORGETOWN, PULAU PINANG, October 12 2024 –

GEORGETOWN, PULAU PINANG, 12 Oktober 2024 – Pusat Perubatan USM Bertam (PPUSMB) bersama-sama dengan penganjur utama majlis iaitu Persatuan Kerjasama Paliatif Pulau Pinang, Malaysian Hospice and Palliative Care Council (MHPCC), Hospital Pulau Pinang, dan juga beberapa pihak Pertubuhan Bukan Kerajaan hari ini telah menganjurkan Sambutan Hari Hospis & Penjagaan Paliatif Sedunia 2024 dan juga Majlis Penandatanganan Plak Kerjasama PPUSMB dan Organisasi Luar bagi Program 'Fellowship in Palliative Care Nursing (FPCN)'.



Photo By NORIZAN ISHAK

WHPCD 2024

Hari Hospis dan Penjagaan Paliatif Sedunia atau “World Hospice and Palliative Care Day” (WHPCD) merupakan hari untuk meraikan serta menyokong hospis dan penjagaan paliatif di seluruh dunia. Majlis peringkat nasional ini berlangsung di Padang Polo, Georgetown, Pulau Pinang telah berjaya menghimpunkan ratusan peserta dari seluruh Malaysia bagi meraikan dan menyokong usaha memperkukuh perkhidmatan hospis dan penjagaan paliatif seiring dengan peranan utama mereka iaitu sebagai barisan hadapan dalam usaha mengurangkan penderitaan dan meningkatkan kualiti kehidupan pesakit serta ahli keluarga pesakit.



Photo By NORIZAN ISHAK
WHPCD 2024

Unit Paliatif PPUSMB telah menjadi penganjur bersama Sambutan Hari Hospis dan Penjagaan Paliatif Sedunia 2024 yang diketuai oleh Dr Siti Khairizan Rahim selaku mantan penyelarass Unit Paliatif PPUSMB, dibantu oleh Dr Siti Nooraini Mohamad Yusof selaku penyelarass baharu Unit Paliatif PPUSMB bersama-sama dengan ahli jawatankuasa program yang terdiri daripada pegawai perubatan, jururawat dan juga staf sokongan dari PPUSMB termasuk pembantu tadbir dan pemandu.

Bertemakan “Sepuluh Tahun Sejak Resolusi: Apakah Yang Sudah Kita Lakukan?”, sambutan Hari Penjagaan Hospis dan Paliatif Sedunia 2024 dimulakan dengan ucapan aluan oleh YBhg. Datuk Seri Dr. T. Devaraj, Penasihat majlis WHPCD 2024 dan seterusnya ucapan dari Dr. Richard Lim Boon Leong selaku Ketua Perkhidmatan Paliatif Kebangsaan.



Photo By NORIZAN ISHAK

WHPCD 2024

Kemuncak kepada majlis ini adalah semasa ucapan oleh YB Senator Dr. Lingeshwaran A/L Dato' Seri Arunasalam merupakan Ahli Dewan Negara (Senator) mewakili Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang yang seterusnya merasmikan Sambutan Hari Hospis dan Penjagaan Paliatif Sedunia bagi tahun 2024.

Lingeshwaran dalam ucapannya berkata, dianggarkan seramai 240,000 pesakit memerlukan penjagaan paliatif menjelang tahun 2030 dan memerlukan kerjasama pelbagai pihak bagi meningkatkan akses perkhidmatan di seluruh negara.

Program diteruskan lagi dengan Majlis Penandatanganan Plak Kerjasama bagi kursus pengajian 'Fellowship in Palliative Care Nursing (FPCN)' antara PPUSMB dan Organisasi Hospis di sekitar Pulau Pinang. Majlis ini adalah sebagai simbolik jalinan kerjasama antara PPUSMB dan Pusat Hospis yang terlibat. Program ini bakal bermula pada tahun 2025 dan mempunyai fasa pembelajaran secara atas talian selama dua bulan dan seterusnya fasa latihan sangkutan klinikal di Hospital serta Pusat Hospis di sekitar Pulau Pinang selama empat bulan.

Majlis Penandatanganan ini disempurnakan oleh YBrs Profesor Madya Dr. Bakiah Shahrudin, Pengarah Pusat Perubatan USM Bertam dengan jalinan kerjasama oleh YBhg Dato' Seri Dr. T Devaraj, Pengerusi Penang Hospice Society; YBrs The Venerable Lyan Shih, Pengasas dan Pengerusi Pure Lotus Hospice serta YBrs Dr. Oo Loo Chan, Pengarah Perubatan Charis Hospice.

PPUSMB amat berbesar hati dapat menyediakan pilihan platform pendidikan lanjutan khusus kepada jururawat dan menghargai jalinan kerjasama dari Penang Hospice Society, Pure Lotus Hospice dan Charis Hospice dalam usaha memastikan pengalaman praktikal kejururawatan paliatif yang bermanfaat dan menyeluruh.

Penjagaan paliatif ini adalah selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan (Sustainable Developmental Goal 3) untuk menggalakkan kesihatan mental dan kesejahteraan pesakit & penjaga dan Matlamat Pembangunan Mampan (Sustainable Developmental Goal 17) untuk perkongsian global melalui jaringan

kerjasama sukarelawan dan pasukan paliatif dalam meringankan beban psikososial pesakit dan penjaga. Penjagaan sebegini memerlukan gabungan kemahiran pelbagai disiplin untuk menampung keperluan kompleks individu yang menghidap penyakit serius, termasuk keperluan keluarga dan penjaga bagi mengurangkan penderitaan mereka. Inisiatif yang dilakukan ini secara tidak langsung melambangkan nilai asas masyarakat penyayang dan prihatin.

WHPCD 2024 turut disajikan dengan pelbagai aktiviti yang menarik seperti pendedahan kepada perkhidmatan paliatif dan hospis, dari seluruh Malaysia, aktiviti sukaneka seperti pencarian harta karun, zumba, cabutan bertuah dan lain-lain.

PPUSMB juga telah berpeluang mempromosikan perkhidmatan penjagaan paliatif, aktiviti latihan sukarelawan serta memperkenalkan perkhidmatan onkologi dan brachytherapy kepada pelawat dan peserta program. Selain daripada itu, Pertubuhan Paliatif USM juga tidak ketinggalan membuka reruai untuk kutipan dana bagi pembinaan bangunan paliatif di USM Bertam.

Majlis ini rata-ratanya mendapat sambutan yang menggalakkan dan maklum balas yang sangat baik daripada pelbagai pihak khususnya Persatuan Kerjasama Paliatif Pulau Pinang, Malaysian Hospice and Palliative Care Council (MHPCC), Hospital Pulau Pinang dan juga beberapa pihak Pertubuhan Bukan Kerajaan. Jalinan kerjasama ini bakal diteruskan bagi mencapai Matlamat Pembangunan Mampan melalui SDG 3 iaitu menggalakkan kesihatan mental dan kesejahteraan pesakit serta penjaga dan SDG 17, perkongsian global melalui jaringan kerjasama sukarelawan dan pasukan paliatif dalam meringankan beban psikososial pesakit dan penjaga.

Teks : Nur Aqilah Tajul Ashikin

Disunting oleh: Dr. Siti Nooraini Mohamad Yusof & Dr. Siti Khairizan Rahim

Foto: Norizan Ishak

Pusat Media & Perhubungan Awam

Institut Perubatan dan Pergigian Termaju

Universiti Sains Malaysia

12 Oktober 2024

**UNIT PALIATIF PPUSMB & PERTUBUHAN PALIATIF USM
TERIMA LAWATAN KUNJUNGAN CEO YAYASAN HAJI
ZAINUDIN (YHZ) UNTUK JALINAN KERJASAMA DALAM
MERANGKA PROJEK PEMBINAAN BANGUNAN PALIATIF DI
KEPALA BATAS**

Collaboration

23 OCTOBER 2024 / BY NUR AQILAH BINTI TAJUL ASHIKIN



KUNJUNGAN CEO YHZ

📷 Photo By NORIZAN ISHAK

PUSAT PERUBATAN USM BERTAM, October 23 2024 –

Unit Paliatif dan Pertubuhan Paliatif USM hari ini telah menerima lawatan kunjungan dari CEO Yayasan Haji Zainudin (YHZ), Encik Iqbal Abdul Rahim yang membuat kunjungan ke Pusat Perubatan USM Bertam (PPUSMB) untuk mendapatkan penerangan berkenaan Projek Pembinaan Bangunan Paliatif di Kepala Batas, Pulau Pinang.



Photo By NORIZAN ISHAK

KUNJUNGAN CEO YHZ

Delegasi lawatan disambut baik oleh Dr. Imran Abd Khalid selaku Pengerusi Projek Pembinaan Bangunan Paliatif; Dr. Fitreena Anis Amran selaku Timbalan Pengerusi Pertubuhan Paliatif USM; Profesor Madya Dr. Rafidah Zainon, Timbalan Pengarah

Pembangunan Projek Khas; Dr. Siti Nooraini Mohamad Yusof, Penyelaras Unit Paliatif PPUSMB yang juga merangkap bendahari Pertubuhan Paliatif USM bersama-sama ahli jawatankuasa Unit Paliatif dan Pertubuhan Paliatif USM. Turut hadir bersama, En Khairi Sulaiman selaku arkitek daripada Syarikat Utama Cipta Arkitek yang telah dilantik oleh pertubuhan bagi projek ini.



Photo By NORIZAN ISHAK
KUNJUNGAN CEO YHZ

Projek Pembinaan Bangunan Paliatif ini bermatlamat untuk menempatkan pesakit paliatif terutamanya pesakit kanser peringkat keempat yang menetap di wilayah utara semenanjung yang memerlukan rawatan perubatan sebelum dibenarkan pulang ke rumah. Melalui Projek Pembinaan Bangunan Paliatif ini, secara tidak langsung dapat mengurangkan kos rawatan di hospital bagi pesakit paliatif kerana bangunan paliatif yang bakal dibina ini berkonsepkan “charity” dan tidak menjana keuntungan (non-profit). Keadaan ini, sekaligus mampu meringankan beban para pesakit paliatif selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG 3) untuk menggalakkan kesihatan dan kesejahteraan pesakit & penjaga serta Matlamat Pembangunan Mampan (SDG 17) untuk perkongsian global melalui jaringan kerjasama badan bukan kerajaan, pasukan paliatif dan sukarelawan dalam meringankan beban psikososial pesakit dan penjaga.



Photo By NORIZAN ISHAK
KUNJUNGAN CEO YHZ

Kunjungan ini bertujuan untuk memberi penerangan berkenaan perkhidmatan penjagaan paliatif dan perkembangan perkhidmatan ini di PPUSMB serta Pulau Pinang. Bukan itu sahaja, melalui kunjungan CEO YHZ ke PPUSMB ini juga adalah untuk membincangkan tentang usaha Pertubuhan Paliatif USM dan Unit Paliatif PPUSMB untuk mengumpulkan dana bagi pembinaan bangunan paliatif di Kepala Batas serta mengetahui perkembangan terkini projek tersebut.

Antara hasil perbincangan yang telah dijalankan bersama-sama dengan CEO YHZ ini, yayasan telah berjanji dan bersedia dengan pledge untuk menyalurkan dana sebanyak RM 1.5 juta untuk Projek Pembinaan Bangunan Paliatif ini. Surat rasmi dan akaun kewangan tersebut akan diberikan dalam masa terdekat. Pihak yayasan juga meminta Pertubuhan Paliatif USM untuk menyiapkan tax exemption status dan juga Memorandum of Understanding (MOU) Pertubuhan Paliatif USM bersama Universiti Sains Malaysia untuk pelan pelaksanaan jangka panjang bangunan paliatif berkenaan. Dalam usaha untuk pengumpulan dana bagi projek ini, pihak yayasan juga mencadangkan agar Unit Paliatif dan Pertubuhan Paliatif USM membuat permohonan dana tambahan daripada beberapa syarikat terkemuka seperti CIMB, Maybank, Sunway dan syarikat-syarikat besar yang lain.

Semua delegasi yang hadir kemudiannya dibawa melawat ke lokasi tapak Projek Pembinaan Bangunan Paliatif di belakang bangunan PPUSMB.

Hadir sama adalah Dr. Mohamad Zulfadhli Abdullah, Pegawai Perubatan merangkap ahli jawatankuasa Pertubuhan Paliatif USM; Pn Norjalilah Umar, Ketua Jururawat Unit Paliatif merangkap setiausaha Pertubuhan Paliatif USM dan ahli jawatankuasa Unit Paliatif & Pertubuhan Paliatif USM yang terdiri daripada jururawat unit paliatif PPUSMB & MAKNA.

Teks disediakan oleh : Nur Aqilah Tajul Ashikin

Teks disunting oleh : Dr. Siti Nooraini Mohamad Yusof

Foto: Norizan Ishak

Pusat Media & Perhubungan Awam

Institut Perubatan dan Pergigian Termaju

Universiti Sains Malaysia

23 Oktober 2024

IPPT DAN PPUSMB BERGANDING BAHU JAYAKAN PROGRAM USM STEM WEEK 2024 UNTUK GENERASI MUDA

Collaboration

10 NOVEMBER 2024 / BY NUR AQILAH BINTI TAJUL ASHIKIN



USM STEM WEEK 2024

📷 Photo By IPPT

USM PULAU PINANG, November 10 2024 –

Program USM STEM Week 2024 bertempat di Dewan Utama Pelajar (DUP) USM pada 09 dan 10 November 2024 anjuran Universiti Sains Malaysia telah berlangsung dengan jayanya.

USM STEM Week 2024 ini diadakan bertujuan untuk meningkatkan minat dan kesedaran terhadap bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan, dan Matematik (STEM) dalam kalangan pelajar serta masyarakat umum. Melalui program ini, pelajar didorong untuk meneroka bidang STEM sejak usia muda, membina kompetensi yang kukuh, dan mempersiapkan diri sebagai generasi yang mampu bersaing dalam era teknologi dan revolusi industri.



Photo By IPPT

USM STEM WEEK 2024

Bukan itu sahaja, program ini berperanan dalam meningkatkan kualiti pendidikan STEM dengan pendekatan yang inovatif dan praktikal sekaligus menyokong pembangunan ekonomi berasaskan pengetahuan. Seperti kata pepatah, “melentur buluh biarlah dari rebunginya,” program ini bertujuan untuk menanam minat dan kemahiran dalam kalangan generasi muda agar mereka menjadi tonggak kemajuan sains dan teknologi negara pada masa hadapan.

Majlis Penutup USM STEM Week di USM telah dirasmikan oleh Menteri Pendidikan, YB Fadhlina Sidek. Program ini melibatkan penyertaan seramai 350 pensyarah dan pelajar dari 15 pusat pengajian di USM dengan sasaran seramai 300 pelajar dari negeri-negeri wilayah utara seperti Pulau Pinang, Perak, dan Kedah.



Photo By IPPT

USM STEM WEEK 2024

Aktiviti yang telah dianjurkan termasuklah "Exploring the Power of Radiation," "Human Body – Inside Out," "Discover Dental Science," "Toxicity Trails: Mapping Contaminant Sources in Our Community," "The Genetic Odyssey: Exploring Our Biological Heritage," dan "Let's Do Nutrition." Selain itu, Institut Perubatan dan Pergigian Termaju (IPPT), USM turut menganjurkan pameran bas bergerak KRIS yang menawarkan pemeriksaan kesihatan, pendidikan kesihatan, dan panduan pemeriksaan sendiri payudara.

Turut hadir ialah Naib Canselor USM, Timbalan Naib Canselor, barisan Pengurusan Tertinggi Universiti, Dekan, dan Pengarah PTJ yang terlibat dalam penganjuran program ini.



Photo By IPPT

USM STEM WEEK 2024

Seramai 60 pensyarah dan staf IPPT USM serta pelajar pascasiswazah dari enam jabatan iaitu Jabatan Pengimejan Bioperubatan, Jabatan Sains Bioperubatan, Jabatan Sains Pergigian, Jabatan Perubatan Klinikal, Jabatan Toksikologi, dan Jabatan Kesihatan Komuniti telah menggembeng tenaga dan kepakaran memberikan komitmen penuh dalam menjayakan pelbagai program STEM dan inisiatif berbentuk hands-on. Jururawat PPUSMB juga bertugas memberikan khidmat nasihat dan sokongan dalam program tersebut.



Photo By IPPT

USM STEM WEEK 2024

Teks disediakan oleh: Profesor Madya Dr. Rafidah Zainon
Teks disunting oleh: Nur Aqilah Tajul Ashikin & Naziroh Shafii
Pusat Media & Perhubungan Awam
Institut Perubatan dan Pergigian Termaju
Universiti Sains Malaysia
13 November 2024

USM AND QUEEN MARY UNIVERSITY OF LONDON (QMUL) STRENGTHEN ACADEMIC COLLABORATION THROUGH THE ONLINE MSc. IN CANCER BIOLOGY IN PARTNERSHIP WITH AMDI

Collaboration

13 DECEMBER 2024 / BY NUR AQILAH BINTI TAJUL ASHIKIN



USM-QMUL ACADEMIC COLLABORATION

📷 Photo By NORIZAN ISHAK

CHANCELLERY BUILDING, December 13 2024 –

Universiti Sains Malaysia (USM) welcomed Prof. Anthony Warren, Dean for Education at the Faculty of Medicine and Dentistry, Queen Mary University of London (QMUL), during a visit aimed at strengthening academic partnerships between the two institutions. The faculty is linked to one of the oldest medical colleges in the world, and QMUL is ranked among the top 20 globally for research citations in Medicine and Dentistry.

The meeting, held at the Chancellery Building in USM, was chaired by Prof. Dato' Gs. Dr. Narimah Samat, Deputy Vice-Chancellor (Academic & International) at USM. It served as a platform to review existing collaborations and explore new opportunities in medical postgraduate programmes.



Photo By NORIZAN ISHAK

USM-QMUL ACADEMIC COLLABORATION

A notable highlight was the online Master of Science in Cancer Biology, a collaborative programme offered by QMUL in partnership with USM's Advanced Medical and Dental Institute (AMDI). This unique programme integrates QMUL's academic excellence with AMDI's and QMUL's clinical and research expertise, catering specifically to USM graduates. The programme is also part of QMUL's Faculty of Medicine and Dentistry initiative in digital education, aiming to make higher education in medicine more accessible and inclusive. Prof Warren's visit underscores the commitment of both institutions to addressing the growing demand for expertise in cancer biology and oncology sciences, particularly in Malaysia.



Photo By NORIZAN ISHAK

USM-QMUL ACADEMIC COLLABORATION

In her welcoming remarks, Prof. Dato' Narimah highlighted the historical significance and academic standing of QMUL while expressing enthusiasm for the anticipated outcomes of this collaboration. Discussions also included future prospects, such as developing joint programmes and leveraging the capabilities of the USM Bertam Medical Centre, now recognised for its advancements in radiation oncology and its recent upgrade to a Clinical Specialist & Cancer Research Hospital.

The visit featured key representatives from USM, including Assoc. Prof. Dr. Bakiah Shaharuddin, Director of AMDI, and AMDI's Deputy Directors and Heads of Departments, Prof. Lee Keat Teong, Director of the International Mobility and

Collaboration Centre (IMCC), Their presence reflected a shared commitment to enhancing academic programmes and training a new generation of cancer researchers and oncology specialists to meet regional needs.

Prof. Warren's presence further solidified the partnership, laying the foundation for expanding collaborative initiatives between USM and QMUL. Speaking on behalf of AMDI, Assoc. Prof. Dr. Bakiah Shaharuddin affirmed, "AMDI is fully committed to ensuring the success of this programme, as it aligns with our mission to advance education, research, and training in oncology for the betterment of healthcare in the region."



Photo By NORIZAN ISHAK

USM-QMUL ACADEMIC COLLABORATION

For further information, please visit <https://academic.amdi.usm.my/QMUL-USM> or email the USM course coordinator: hafiz.zin@usm.my

Text by: Assoc. Prof. Dr. Mohd Hafiz Mohd Zin

Text edited by: Nur Aqilah Tajul Ashikin & Naziroh Shafii

Photos: Norizan Ishak

Media and Public Relations Center

Advanced Medical and Dental Institute

16 December 2024

Pusat Kecemerlangan Pendidikan (Brachyacademy) Ippt Terima Pengiktirafan Rawatan Kanser Lidah Antara Terbaik Di Dunia Dan Terbaik Di Asia

Achievement

02 JULY 2024 / BY NUR AQILAH BINTI TAJUL ASHIKIN



LAWATAN YBM-KPT KE UNIT ONKOLOGI PPUSMB

📷 Photo By NORIZAN ISHAK

Pusat Perubatan USM BERTAM, July 2 2024 –

Menteri Pendidikan Tinggi, Yang Berhormat Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Abd Kadir hari ini meluangkan masa melawat ke Institut Perubatan dan Pergigian Termaju (IPPT) USM dan meraikan para pesakit kanser bersama warga staf Pusat Perubatan Universiti Sains Malaysia Bertam (PPUSMB) bersempena dengan Majlis Perasmian Pusat Kecemerlangan Pendidikan BrachyAcademy (BrachyAcademy Educational Centre of Excellence).



Photo By NORIZAN ISHAK

Lawatan YBM-KPT ke Unit Onkologi PPUSMB

Pusat Perubatan USM Bertam, Institut Perubatan dan Pergigian Termaju (IPPT) Universiti Sains Malaysia (USM) menawarkan perkhidmatan kepakaran perubatan dan pergigian disamping program-program akademik dan penyelidikan dalam pelbagai bidang berkaitan sains perubatan dan kesihatan. Ditubuhkan sejak 2002, kini PPUSMB telah berkembang menjadi sebuah Pusat Perubatan yang menawarkan perkhidmatan onkologi, radioterapi dan brakiterapi untuk merawat kanser terutamanya untuk kanser kepala dan leher, hati, esofagus dan sarcoma. Kaedah terkini hasil inovasi USM iaitu kaedah rawatan Brakiterapi kepada semua golongan masyarakat khususnya kepada para pesakit kanser ini secara tidak langsung telah membuktikan kejayaan IPPT di mana IPPT dan PPUSMB telah menerima pengiktirafan antarabangsa daripada BrachyAcademy yang berpangkalan di Netherlands sejak 2018 sebagai Pusat Pengajaran dan Penyelidikan serta merupakan satu-satunya institusi di Malaysia yang menerima pengiktirafan tersebut sehingga kini.



Photo By NORIZAN ISHAK

Lawatan YBM-KPT ke Unit Onkologi PPUSMB

Majlis Perasmian Pusat Kecemerlangan Pendidikan BrachyAcademy (BrachyAcademy Educational Centre of Excellence) ini dimulakan dengan sesi lawatan ke Unit Brakiterapi bersama dengan YB Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Abd Kadir, Menteri Pendidikan Tinggi yang seterusnya menandatangani Plak Akreditasi IPPT sebagai BrachyAcademy Educational Centre of Excellence. Brachyacademy, sebuah organisasi antarabangsa yang berpangkalan di Belanda telah dengan rasminya mengisytiharkan IPPT sebagai Pusat Kecemerlangan Pendidikan BrachyAcademy dan IPPT merupakan satu-satunya pusat brakiterapi yang merawat kanser lidah dalam jumlah yang tinggi menggunakan teknik HyBIRT (Hybrid Brachytherapy followed by Intensity Modulated Radiotherapy) dan IPPT berjaya menjadi perintis kepada teknik ini di seluruh dunia.

Majlis diteruskan lagi dengan ucapan aluan oleh YBhg. Profesor Dato' Seri Ir. Dr. Abdul Rahman Mohamed, FASc. selaku Naib Canselor, Universiti Sains Malaysia. Abdul Rahman dalam ucapannya berkata, perkhidmatan ini telah bermula sejak tahun 2015 dan telah merawat lebih 500 pelbagai jenis kes kanser sehingga IPPT dianugerahkan sebagai Pusat Kecemerlangan Pendidikan BrachyAcademy (BrachyAcademy Educational Centre of Excellence).



Photo By NORIZAN ISHAK
Sesi bergambar bersama YBM-KPT

"Pada September 2022, IPPT telah menjenamakan semula kompleks penyelidikan klinikal sebagai Pusat Perubatan USM Bertam (PPUSMB) yang memfokuskan kepada perawatan kanser, termasuk rehabilitasi robotik dan pergigian sebagai rawatan sokongan dan pemulihan. "Usaha ini dibuat selaras dengan bidang tujahan USM yang telah dikenal pasti bersama Kementerian Pendidikan Tinggi di dalam bidang kanser/ onkologi di mana sehingga tahun 2023, kira-kira 16,642 orang pesakit kanser telah dirawat di IPPT," katanya. Tambah Abdul Rahman, kecemerlangan IPPT dalam bidang brakiterapi telah meletakkan IPPT sebagai penerima akreditasi pertama dari Malaysia pada tahun 2020 di mana akreditasi berprestij ini diberikan untuk 5 bidang kanser iaitu ginekologi, esofagus, hati, prostat dan kepala dan leher yang secara tidak langsung membuktikan kepakaran brakiterapi di IPPT mendapat pengiktirafan dunia. Menurutnya lagi, IPPT telah menerima undangan dan permohonan daripada ahli brakiterapi dari luar negara untuk hadir dan menerima latihan di sini (fellowship training in brachytherapy), sejak menerima pengiktirafan BrachyAcademy. Sehingga kini, IPPT merupakan satu-satunya institusi di Malaysia yang menerima akreditasi ini. IPPT telah menerima pengiktirafan antarabangsa daripada syarikat gergasi pembekal peralatan radioterapi dan rawatan kanser iaitu ELEKTA yang berpangkalan di Sweden yang menawarkan geran penyelidikan iaitu 50 set aplikator brakiterapi

yang bernilai melebihi RM600,000.

Melalui kemudahan geran yang diberikan, akan dapat membantu lebih ramai pesakit kanser lidah untuk mendapatkan rawatan menggunakan teknik HyBIRT dan IPPT juga akan dapat meneruskan lagi kajian berkaitan dalam usaha untuk meningkatkan lagi kekuatan data klinikal di sini. Seterusnya, perkongsian Kisah Kejayaan Perkhidmatan Brakiterapi USM: Teknik Inovasi Rawatan Kanser Bertaraf Dunia oleh Dr. Muhammad Yusri Musa merupakan Pensyarah Perubatan / Pakar Perunding Otorinolaringologi dan Surgikal Brakiterapi, PPUSMB.

Majlis kemudiannya diteruskan dengan ucapan perasmian oleh Yang Berhormat Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Abd Kadir, Menteri Pendidikan Tinggi. Zambry Abd Kadir dalam ucapannya berkata, Pusat Kecemerlangan Pendidikan BrachyAcademy ini telah meletakkan Malaysia di peringkat dunia yang secara tidak langsung boleh dijadikan sebagai pusat rujukan. "USM berjaya mencapai satu kejayaan yang membanggakan kita semua dan saya akan membawa kejayaan ini ke pengetahuan YAB Perdana Menteri Malaysia bagi merencanakan perkembangan pusat ini supaya ia bukan sahaja dapat menjadi pusat rujukan bagi rawatan kanser di wilayah utara sahaja, malah untuk dikembangkan ke peringkat seluruh negara dan serantau," kata Yang Berhormat.



Photo By NORIZAN ISHAK

Penyampaian Amanat daripada YBM-KPT

Kemuncak kepada majlis ini adalah semasa sesi penyerahan Plak Akreditasi IPPT sebagai BrachyAcademy Educational Centre of Excellence daripada BrachyAcademy, The Netherlands kepada USM dan serahan Sijil Pengiktirafan daripada ELEKTA kepada USM sebagai Pusat Perubatan Perintis di Asia Tenggara yang melaksanakan Kaedah Rawatan Preservasi Fungsi untuk Kanser Lidah melalui teknik Brakiterapi unik ciptaan USM (HyBIRT) oleh Mr. Yohei Watanabe, Ketua Pemasaran (Asia & Pacific Japan), ELEKTA. Seterusnya, serahan Geran Penyelidikan RM660 Ribu Kanser Lidah daripada ELEKTA, The Netherlands oleh Mr. Paul Lee merupakan Pemimpin Barisan Perniagaan (Business Line Leader- Brachytherapy, ELEKTA).

Hadir sama ialah Profesor Dr. Azlinda Azman, Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi; Dato' Seri Dr. Awang Adek Hussin, Pengerusi Lembaga Gabenor Universiti; Profesor Dr. Habibah A. Wahab, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi); Profesor Dr. Shahrarum Shamsuddin, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pembangunan Pelajar & Alumni); Profesor Dr. Azlan Amran, Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat); Profesor Dato' Ir. Dr. Faisal Rafiq Mahamd Adikan, Pengarah IPPT & PPUSMB USM; wakil daripada ELEKTA iaitu Mr. Yohei Watanabe dan Mr. Paul Lee serta ketua-ketua jabatan IPPT/PPUSMB. Majlis turut dipancarkan secara maya melalui platform youtube.

Teks disediakan oleh : Nur Aqilah Tajul Ashikin

Teks disunting oleh : Dr. Muhamad Yusri Musa

Foto: Norizan Ishak

Pusat Media & Perhubungan Awam

Institut Perubatan dan Pergigian Termaju

Universiti Sains Malaysia

2 Julai 2024

**Majlis Persada Kencana 2023 Iktiraf Pencapaian Pelajar
IPPT**



MAJLIS PERSADA KENCANA

📷 Photo By MPRC IPPT

SECARA ATAS TALIAN, July 31 2024 -

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA, PULAU PINANG, 31 Julai 2024 - Majlis Persada Kencana (MPK) adalah acara khas untuk memberikan penghormatan dan penghargaan kepada pelajar lepasan ijazah yang telah mencapai prestasi cemerlang dalam pelbagai bidang seperti akademik, penyelidikan dan penerbitan. Majlis ini menjadi acara penting Universiti untuk mengiktiraf pencapaian pelajar USM dalam pelbagai kategori selari dengan usaha untuk memacu kecemerlangan Menara Ilmu ini.



Photo By MPRC IPPT

MAJLIS PERSADA KENCANA

MPK yang dijalankan secara atas talian menerusi Youtube dan Facebook USM Admission ini bertemakan “The Symphony of Excellence, Harmony in Achievement” yang membuktikan bahawa setiap sumbangan dan pencapaian para pelajar mampu mewujudkan simfoni kecemerlangan serta berjaya mencapai prestasi yang sangat cemerlang dalam kalangan bakat terbaik USM.



Photo By MPRC IPPT

MAJLIS PERSADA KENCANA

Majlis Persada Kencana 2023 menyaksikan penganugerahan anugerah bagi lima Kategori Anugerah iaitu kategori Best Thesis Award for Research mode, Best Master's Degree Student Award for Coursework mode, Best Master's Degree Student Award for Mixed Mode, The Sanggar Sanjung Award dan The Persada Kencana Award'.



Photo By MPRC IPPT

MAJLIS PERSADA KENCANA

IPPT memenangi anugerah dalam kategori Anugerah Hadiah Sanjungan dan Penerbitan Jurnal dengan 21 pelajar cemerlang bagi kategori HADIAH SANJUNGAN dan 12 pelajar cemerlang bagi kategori PENERBITAN JURNAL.



Photo By MPRC IPPT

MAJLIS PERSADA KENCANA

Penerima anugerah yang telah mengharumkan nama IPPT bagi kategori HADIAH SANJUNGAN adalah Rajayaashini A/P Rajasegaran, Rwayda Abdulkader Mohame, Sharmilla Devi A/P Jayasingam, Vasagee A/P Elencovan, Yeoh Tzi Shien, Zhang Zheng, Mohd Afiq Hazlami Habib, Nur Aliaa Arina Rosli, Nur Amirah Hamdan, Nurul Atiqah Muhamad Fauzi, Ruwaydah Ahmed Mohammed Meelad, Ahmad Husaini Mohamed, Ahmad Naqiuddin Azahari, Anna Andrew, Ballouze Rama, Khor Kang Zi, Maheswaran A/L Solayappan, Muhammad Adam Azlan, Mustahimah Muhamad, Nadhiratul Farihin Semail dan Norhaliza Abd Hamid.



Photo By MPRC IPPT

MAJLIS PERSADA KENCANA

Manakala, penerima bagi kategori PENERBITAN JURNAL adalah Noor Azila Ismail, Thevendran A/L Ramesh, Vasagee A/P Elencovan, Yeoh Tzi Shien, Alallam Batoul, Anna Andrew, Mira Natasha Azman, Muhammad Kabir Abdulkadir, Mustahimah Muhamad, Nadhiratul Farihin Semail, Nadin J D Abualroos dan Navien A/L Tholasi Nadhan.



Photo By MPRC IPPT

MAJLIS PERSADA KENCANA

Setinggi-tinggi tahniah diucapkan daripada Pengarah dan seluruh warga IPPT dan PPUSMB kepada semua penerima anugerah dan juga Penyelia.

Teks disediakan oleh: Nur Aqilah Tajul Ashikin

Teks disunting oleh: Naziroh Shafii

Pusat Media dan Perhubungan Awam

Institut Perubatan dan Pergigian Termaju

31 Julai 2024

PERKHIDMATAN PERGIGIAN IPPT ANJURKAN BENGKEL KLINIKAL "MASTERING THE REMOVABLE PARTIAL DENTURE DESIGN" PERINGKAT WILAYAH UTARA MALAYSIA

Achievement

14 OCTOBER 2024 / BY NUR AQILAH BINTI TAJUL ASHIKIN



BENGKEL PROSTODONTIK

📷 Photo By NUR AQILAH TAJUL ASHIKIN

AUDITORIUM SAINS@BERTAM, October 14 2024 –

BERTAM, PULAU PINANG, 14 Oktober 2024 – Buat julung kalinya, Perkhidmatan Pergigian, Pusat Perubatan USM Bertam (PPUSMB), Institut Perubatan dan Pergigian Termaju (IPPT), telah menganjurkan bengkel klinikal berkaitan teknik menghasilkan reka bentuk gigi palsu separa. Bengkel ini adalah anjuran bersama Jabatan Sains Pergigian dan Perkhidmatan Pergigian, PPUSMB.



Photo By NUR AQILAH TAJUL ASHIKIN

BENGKEL PROSTODONTIK

Bengkel seumpama ini merupakan penganjuran pertama kali di IPPT memandangkan telah terdapat penambahan pensyarah yang berkaitan dalam bidang tersebut dan fasiliti pergigian yang sudah mantap.

Walaupun terdapat pelbagai jenis rawatan untuk menggantikan gigi yang telah dicabut, namun demikian, rawatan gigi palsu separa masih menjadi salah satu pilihan dalam kalangan pesakit disebabkan oleh kos pembuatannya yang lebih rendah berbanding rawatan lain. Jika rawatan gigi palsu separa ini dilakukan dengan baik, ianya juga dapat memberikan keselesaan kepada para pemakai gigi palsu.

Pengajaran bengkel ini bertujuan untuk memberi fokus kepada ilmu dan kemahiran asas dalam menghasilkan reka bentuk gigi palsu separa di mana bengkel ini melibatkan dua komponen utama iaitu sesi ceramah dan juga sesi latihan menghasilkan reka bentuk gigi palsu separa menggunakan model gigi pesakit.



Photo By NUR AQILAH TAJUL ASHIKIN
BENGKEL PROSTODONTIK

Melalui bengkel ini, semua peserta yang terlibat akan mampu menghasilkan reka bentuk gigi palsu separa dengan lebih yakin dan secara tidak langsung akan memberikan keselesaan dalam pemakaian gigi palsu separa kepada pesakit-pesakit mereka kelak.

Bengkel dimulakan dengan sesi ceramah yang pertama dan kedua iaitu pengenalan kepada Removable Partial Denture dan Surveying yang dikendalikan oleh Dr. Husniyati Roslan, selaku Pengerusi Program merangkap Pensyarah Pergigian di Jabatan Sains Pergigian, IPPT. Seterusnya, sesi ceramah yang ketiga dan keempat pula disampaikan oleh Dr. Juzailah Roffie berkaitan Removal Partial Denture Component dan Precision Attachment for RPD.

Bengkel yang berlangsung di Auditorium Sains@Bertam ini diteruskan lagi pada sesi sebelah petang dengan sesi hands-on bertajuk RPD Design and Drawing yang dikendalikan oleh Dr. Husniyati Roslan, Dr. Juzailah Roffie dan kesemua Juruteknologi Pergigian PPUSMB. Dalam sesi ini, kesemua peserta telah belajar untuk melukis sendiri reka bentuk gigi palsu separa dan mempraktikkan cara-cara yang betul untuk

melakukan surveying di atas model gigi.

Bengkel ini telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan di mana masih ramai yang meminta untuk menyertainya walaupun tempoh pendaftaran telah ditutup. Seramai 63 orang peserta yang terdiri daripada Pegawai Pergigian dan Juruteknologi Pergigian daripada Kementerian Kesihatan Malaysia dan klinik pergigian swasta telah hadir menjayakan Bengkel Klinikal “Mastering The Removable Partial Denture Design” yang berlangsung hari ini. Kesemua peserta bengkel ini datang dari negeri Pulau Pinang, Kedah, Perlis, Perak dan Kelantan.



Photo By NUR AQILAH TAJUL ASHIKIN
BENGKEL PROSTODONTIK

Perasmian bengkel telah dirasmikan oleh Profesor Madya Dr. Noor Khairiah A. Karim, Timbalan Pengarah (Klinikal, Kelestarian, & Piawaian). Hadir sama adalah Profesor Madya Dr. Norehan Mokhtar, Ketua Bahagian Perkhidmatan Pergigian dan Dr. Noor Ayuni Ahmad Shafiai, Ketua Jabatan Sains Pergigian.

Teks disediakan oleh: Nur Aqilah Tajul Ashikin & Sharifah Fawziah Al-Gadri Syed Mahdzor

Teks disunting oleh: Dr. Husniyati Roslan

Foto: Nurul Nazihah Mohd Rizal & Nur Aqilah Tajul Ashikin

Pusat Media & Perhubungan Awam

Institut Perubatan dan Pergigian Termaju

Universiti Sains Malaysia

14 Oktober 2024

IPPT RANGKUL LIMA ANUGERAH CEMERLANG DALAM ACADEMIA FIESTA@USM 2024

Achievement

28 OCTOBER 2024 / BY NUR AQILAH BINTI TAJUL ASHIKIN



ACADEMIA FIESTA@USM 2024

📷 Photo By IPPT

USM PULAU PINANG, October 28 2024 -

Pusat Pembangunan Kecemerlangan Akademik (CDAE) Universiti Sains Malaysia (USM), dengan kerjasama Bahagian Akademik dan Antarabangsa, Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni telah mengadakan Sambutan Academia Fiesta@USM bersempena dengan Bulan Akademika Kebangsaan.



Photo By IPPT

ACADEMIA FIESTA@USM 2024

Matlamat utama Academia Fiesta@USM 2024 adalah sebagai inisiatif memperkukuhkan inovasi akademik dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) khususnya dalam era digital dan globalisasi pada masa ini.

Majlis Academia Fiesta@USM 2024 yang berlangsung di Dewan Persidangan Universiti (DPU), USM ini disempurnakan oleh Naib Canselor USM, Profesor Dato' Seri Ir. Dr. Abdul Rahman Mohamed yang memberikan penekanan berkaitan kepentingan menggalakkan inovasi dan kreativiti serta tumpuan kepada reka bentuk dan pengembangan bahan PdP yang relevan dengan keperluan semasa.

Bertemakan "Building Networks of EduChamps", program ini turut menjadi platform untuk mempamerkan usaha Pusat Pembangunan Kecemerlangan Akademik (CDAE) melalui Pelan Strategik CDAE 5.0 yang menekankan transformasi PdP berpusatkan pelajar (SCL), integrasi teknologi, pembelajaran sepanjang hayat, dan penghasilan Kursus Terbuka Global, selari dengan visi USM untuk memimpin dalam bidang pendidikan dan teknologi.

Dalam pertandingan ini, IPPT rangkul lima (5) anugerah membawa pulang dua (2) Pingat Emas, dua (2) Anugerah Khas, dan satu (1) Pingat Gangsa.

Dua (2) Pingat Emas dirangkul bagi Kategori 2: Bahan Sokongan PdP dimenangi oleh pasukan Profesor Madya Dr. Bakiah Shaharuddin, Puan Hasniza Amno, Puan Nurulhuda Abdul Jais dan Encik Mohamed Hafiz Mansor mengetengahkan 'Sistem VR Discovery: Inovasi Pengurusan Data 3D di Perpustakaan Akademik. Manakala, Pingat Emas kedua dirangkul oleh pasukan Profesor. Madya Dr. Siti Noor Fazliah Mohd Noor, Puan Hasniza Amno dan Puan Nurulhuda Abdul Jais dengan tajuk 'APRIM (Aplikasi Rujukan Istilah Melayu) dan LARIM (Laman Sesawang Rujukan Istilah Bahasa Melayu)'.



Photo By IPPT

ACADEMIA FIESTA@USM 2024

Selain itu, IPPT turut merangkul Anugerah Pingat Gangsa bagi Kategori 2: Bahan Sokongan PdP dengan tajuk Revolusi Penjagaan Paliatif Kanser dengan E-Pembelajaran: Meningkatkan Pengetahuan dan Kualiti Hidup oleh pasukan Puan Leong Yit Siew dan Puan Divanee Chandrasegar.

Bagi Anugerah Khas, IPPT turut merangkul dua (2) anugerah iaitu bagi kategori Anugerah Khas Jumlah Bilangan Modul MC Tertinggi (Tempat Ketiga) dengan bilangan modul yang ditawarkan sebanyak 21 modul. Manakala Anugerah Khas seterusnya IPPT turut memenangi bagi kategori Anugerah Khas Penjanaan Kewangan melebihi RM5000 (Tempat Ketiga) oleh pasukan Profesor. Madya Dr. Rafidah Zainon, Dr. Nurdianah Harif Fadzilah, Dr. Nizuwan Azman, Puan Zaleha Md Toha dan Puan Norjana Ismail.

Setinggi-tinggi tahniah diucapkan daripada Pengarah dan seluruh warga IPPT dan PPUSMB kepada semua pemenang. Pengarah turut menyeru supaya staf akademik dan staf lain sama-sama berganding bahu untuk menghasilkan lebih banyak kandungan dan produk inovasi dalam pengajaran & pembelajaran.



Photo By IPPT

ACADEMIA FIESTA@USM 2024

Teks Disediakan oleh: Nur Aqilah Tajul Ashikin

Teks Disunting oleh: Naziroh Shafii

Pusat Media & Perhubungan Awam

Institut Perubatan dan Pergigian Termaju

Universiti Sains Malaysia

13 November 2024

KURSUS DALAMAN IPPT ' HPLC REFRESHER TRAINING'

Achievement

17 OCTOBER 2024 / BY HALIANIS BINTI YUSOFF

HPLC REFRESHER TRAINING



Date : 17-18 October 2024

Venue : Meeting Room, ARC (Theory session) and
Analytical Lab CRL 1 (Practical session)

Introduction:

The HPLC Refresher Training is designed to provide participants with a comprehensive understanding and practical skills in HPLC operation, troubleshooting, and method development. This training serves to reinforce fundamental concepts, maintenance and troubleshooting and address common challenges faced in routine HPLC analysis.

TENTATIVE

Day 1-Thursday, 17 October 2024

0900 - 1000	Fundamental of HPLC (Theory)
1000 - 1030	Operation Overview (Theory)
1030 - 1045	Break
1045 - 1230	Calibration Curve (Theory)
1230 - 1400	Lunch
1400 - 1700	Practical Session • System Setup • Method Setup • Sample Analysis • Calibration • Data Analysis

Day 2- Friday, 18 October 2024

0900 - 1000	Data Analysis Continue (Practical)
1000 - 1030	Quantification and Reporting (Theory)
1030 - 1045	Break
1045 - 1215	Sample Preparation (Theory)
1215 - 1445	Lunch
1445 - 1700	Maintenance and Troubleshooting (Theory and Discussion)

Please SCAN to register:



USM CPD
POINTS



Trainer Name: Mr. Lim Teck Maan

Designation : Application Scientist, APAC

Technical Specialization & Solutions

Organised By:

Central Research Laboratory (CRL)



Agilent



Brosur Latihan

📷 Photo By CRL

BILIK ANALITIKAL , MAKMAL CRL1, October 17 2024 -

Institut Perubatan dan Pergigian Termaju (IPPT), 18 Oktober 2024, Seksyen Makmal Penyelidikan Berpusat (CRL) dengan kerjasama *Pusat Transformasi Insan* (PTI) telah menganjurkan program latihan pengendalian alat HPLC di Makmal Analitikal, CRL 1 pada 17 dan 18 Oktober 2024.

"High Performance Liquid Chromatography (HPLC)" adalah antara alatan berteknologi tinggi yang banyak digunakan dalam penyelidikan di IPPT. HPLC membantu para penyelidik dalam kajian mengenal pasti, mengukur kualitatif dan kuantitatif pelbagai bahan, serta pemisahan bagi sebatian organik dalam suatu campuran.

Latihan ini dikendalikan oleh seorang pakar dalam aplikasi HPLC dan *Application Scientist* dari Agilent iaitu Mr. Lim Teck Maan. Beliau berkongsi pelbagai tips dan teknik berkaitan operasi dan penyelenggaraan HPLC yang bermanfaat untuk para peserta dalam meningkatkan keberkesanan dan ketepatan analisis mereka. Seramai 18 orang peserta terdiri daripada beberapa orang staf yang terlibat dalam mengendalikan alat analitikal dan juga beberapa orang pelajar IPPT telah menghadiri latihan ini dengan jayanya. Penglibatan mereka menunjukkan minat tinggi dalam memperkasa kemahiran dan pengetahuan mereka dalam teknologi HPLC yang menjadi keperluan penting dalam pelbagai kajian dan penyelidikan saintifik.



Photo By CRL

Peserta bergambar kenangan bersama En. Lim Teck Maan

Latihan ini bertujuan memberi pengetahuan tentang penggunaan peralatan, menjaga, mengendali dan mengawal selia bagi memenuhi piawaian semasa, serta memastikan fasiliti digunakan dengan baik. Peserta juga diberi peluang untuk menjalankan latihan secara amali di makmal dengan menjalankan proses pengekstrakan sampel madu dan menganalisa menggunakan alatan HPLC.

Melalui latihan ini diharapkan dapat meningkatkan kemampuan dan kompetensi peserta dalam analisis kromatografi, baik pengetahuan dasar dan kompetensi menggunakan alat HPLC serta menguasai teknik penyelenggaraan agar alat tersebut dapat digunakan lebih lama. Latihan berterusan ini adalah kaedah terbaik dalam mendapat informasi terbaru dalam mendepani perubahan semasa dalam memenuhi keperluan penyelidikan dari masa ke masa.

Latihan ini telah memberikan manfaat besar kepada para peserta dalam memantapkan kemahiran teknikal serta membuka ruang kolaborasi yang lebih erat antara staf saintifik di IPPT. Latihan ini selari dan menyumbang kepada pencapaian matlamat pembangunan lestari (SDG) dalam aspek pendidikan berkualiti (SDG 4), pekerjaan yang baik dan pertumbuhan ekonomi (SDG 8), serta mengukuhkan kerjasama (SDG 17) di antara pelbagai pihak dalam bidang penyelidikan dan pembangunan.

Latihan ini telah berjaya dilaksanakan dengan baik, hasil kerjasama CRL dan PTI. Ia juga menandakan komitmen IPPT dalam memastikan pembangunan profesional berterusan bagi staf mereka dalam usaha memperkukuh kepakaran saintifik di universiti.

Ditulis oleh Halianis binti Yusoff ,2024

IPPT RANGKUL LIMA PINGAT DALAM PERTANDINGAN USM INNOZILLA 2024

Achievement

07 NOVEMBER 2024 / BY NUR AQILAH BINTI TAJUL ASHIKIN



INNOZILLA 2024

📷 Photo By IPPT

USM PULAU PINANG, November 7 2024 –

Buat julung kalinya, Institut Perubatan dan Pergigian Termaju (IPPT), turut mengambil bahagian dengan menyertai Program yang dianjurkan oleh Universiti Sains Malaysia 'INNOZILLA 2024', yang mempamerkan teknologi dan inovasi terobosan yang sejajar dengan Matlamat Pembangunan Lestari (SDGs) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan mengumpulkan peserta, pakar, pemimpin industri serta pihak berkepentingan yang komited untuk masa depan yang mampan.

Program USM INNOZILLA 2024 yang berlangsung di Dewan Utama Pelajar (DUP), USM ini menampilkan 188 ciptaan (143 dipaparkan secara fizikal dan 45 secara maya) daripada pelbagai sekolah, kolej, universiti dan syarikat permulaan di seluruh Pulau Pinang, Perak, Kedah, Kelantan, dan Pahang dengan penyertaan antarabangsa dari Indonesia dan Singapura.



Photo By IPPT
INNOZILLA 2024

Bertemakan ‘Merapatkan Inovasi Antara Akademika, Inovator Muda, Kerajaan, Industri, dan Komuniti untuk Pembangunan Mampan’, acara dua hari itu membawa peserta bersama-sama bersaing dalam dua kategori iaitu Vanguard untuk pencipta yang lebih maju, dan Trailblazer untuk inovator baru muncul untuk menggalakkan pelbagai idea dan penyelesaian kreatif.



Photo By IPPT
INNOZILLA 2024

Kemuncak kepada majlis ini adalah semasa upacara perasmian USM INNOZILLA 2024 yang telah disempurnakan oleh Timbalan Ketua Menteri II Pulau Pinang dan Exco Pembangunan Modal Insan, Sains dan Teknologi, YB Jagdeep Singh Deo Karpal Singh.

IPPT telah berjaya membawa pulang satu Pingat Emas, tiga Pingat Perak dan satu Pingat Gangsa dalam Pertandingan USM INNOZILLA 2024. Bagi Anugerah Pingat Emas, IPPT menang dengan tajuk 'AlgaeBoost: Fuel Your Body With Nature's Power' yang diketuai oleh Profesor Madya. Dr. Lim Vuanghao dan Batoul Allalam.



Photo By IPPT
INNOZILLA 2024

Manakala, untuk kategori Anugerah Pingat Perak pula, IPPT berjaya merangkul tiga Pingat Perak iaitu 'Moringa Miracle: Advanced Nanoparticle Lotion for Deep Skin Nourishment and Rejuvenation' oleh Dr. Nozlina Abdul Samad bersama Melissa Kilus dan Rolla Al Shalabi; 'Intramyocardial Injection of Human iPSC-Cardiomyocytes/Proepicardial-like Cells Enhances Vascularization and Salvages Myocardial Thickness in Cryoinjured Rat Hearts' oleh Profesor Madya Dr. Tan Jun Jie dan Fatin Fazrina Roslan; dan Dr. Siti Hawa Ngali dan pasukannya iaitu Sunthara Murthi Anamalai, Profesor Madya Carlos Mas Moruno, Dr. Ahmad Suparno Bahar Moni, dan Profesor Dr. Yit Lung Khung dengan tajuk 'Innovating BMP-7 Peptide Osseointegration with Micropattern Stainless Steel Towards Bone Regeneration'.



Photo By IPPT
INNOZILLA 2024

Anugerah Pingat Gangsa turut berjaya dirangkul oleh IPPT dengan tajuk 'Portable Cytogenetics Karyotyping Learning Kit and Teaching Aid' yang diketuai oleh Dr. Ahzad Hadi Ahmad dan lima orang ahli pasukan iaitu Nur Hidayah Salim, Nazlina Mohamad Isa, Nur Atiqah Ahmad, Nurul Sharinie Osman, dan Mohd Shah Ridzal Abdul Rahman.

Setinggi-tinggi tahniah diucapkan daripada Pengarah dan seluruh warga IPPT dan PPUSMB kepada semua pemenang.

Teks: Nur Aqilah Tajul Ashikin

Disunting oleh: Naziroh Shafii

Pusat Media & Perhubungan Awam

Institut Perubatan dan Pergigian Termaju

Universiti Sains Malaysia

12 November 2024

IPPT & PPUSMB TERIMA PENARAFAN 5 DAUN PEJABAT HIJAU UNIVERSITI SAINS MALAYSIA 2024

Achievement



Penarafan 5 Daun Pejabat Hijau

📷 Photo By Puan Athirah Raihanah

USM PULAU PINANG, October 30 2024 –

Sebanyak 51 pusat tanggungjawab/seksyen/bahagian/unit telah berjaya memperoleh penarafan 5 daun termasuk Institut Perubatan & Pergigian Termaju (IPPT) & Pusat Perubatan USM Bertam (PPUSMB) dalam Majlis Penarafan Pejabat Hijau USM 2024. Selaku Yang Menjalankan Fungsi Pengarah IPPT dan PPUSMB, Prof. Madya Dr. Bakiah Shaharuddin dan juga Timbalan Pengarah Klinikal, Kelestarian & Piawaian, Prof. Madya Dr. Noor Khairiah A.Karim bersama-sama Penyelaras Projek Kelestarian IPPT dan Pegawai Kelestarian IPPT telah hadir menerima sijil penarafan yang telah diserahkan oleh Naib Canselor USM, Prof. Dato' Seri. Ir. Dr. Abdul Rahman Mohamed diiringi Timbalan Naib Canselor Jaringan Industri dan Masyarakat USM, Profesor Dr. Azlan Amran.



Photo By Puan Athirah Raihanah
Penarafan 5 Daun Pejabat Hijau

Yang turut hadir adalah Pengasas ADA Biotech, Ts. Muhammad Akmal Amir; Pengasas Bersama merangkap Ketua Pegawai Pembangunan Perniagaan ADA Biotech, Ma Xin Wen; Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi, Profesor Dr. Habibah A Wahab, FASc.; Penyelaras Unit Kelestarian Kampus USM, Dr. Normaliza Abdul Manaf; juruaudit, serta pegawai-pegawai utama universiti dan wakil ADA Biotech.

Sesi audit penarafan pejabat hijau ini telah mengambil kira lima (5) komponen, iaitu Komponen A, Perolehan Hijau, Komponen B, Pengurusan Sisa, Komponen C, Kecekapan Sumber, Komponen D, Kesihatan dan Keselamatan, Komponen E, Penglibatan Staf dan Komuniti.

Secara ringkasnya, penarafan pejabat hijau ini bukanlah suatu permulaan, namun sebagai satu batu loncatan agar kelestarian ini menjadi budaya hidup dan budaya kerja warga USM khususnya warga IPPT & PPUSMB sejajar dengan salah satu wawasan USM semenjak tahun 1969 iaitu "Masa hadapan, Keunikan (Kelainan), Kelestarian, Kemanusiaan, Kesejagatan, Perubahan, Pengorbanan".

Disediakan oleh : Puan Athirah Raihanah Abdul Wahab

Disemak oleh : Prof. Madya Dr. Noor Khairiah A.Karim

Sustainable Futures: AMDI Students and Sedim Community Join Forces

Community

29 JUNE 2024 / BY ABEDEN ZAINUL



Mr Abdul Mutalib from Sedim Community talking at the event

📷 Photo By Instagram: @hex_zain

KAMPONG SUNGAI BULOH, SEDIM, KULIM, KEDAH, June 29 2024 –

Ever seen a community event that's both fun and eco-friendly? Well, look no further than the visit to the Sedim community recently organized by AMDI Student Association (ASA), uniting students, staff and local residents for a day brimming with activities focused on sustainability and empowerment. The entire event was carefully planned to achieve multiple Sustainable Development Goals (SDG). The day kicked off with insightful speeches from Dr. Asmida, ASA advisor, and Mr. Abdul Mutalib, representing the Sedim community, setting an enthusiastic tone for the day.



Photo By Instagram: @hex_zain

Picture of a candle made by the Sedim Community Members

ASA members led a hands-on workshop, teaching the community how to craft beautiful DIY candles using soy wax and a tad bit of cooking oil. This activity not only sparked creativity and practical skills but also supported “responsible consumption and production” (SDG 12) by promoting sustainable materials and practices.



Photo By Instagram: @hex_zain

Mr Abdul Mutalib receiving the 60L drum gifted from ASA and their advisor, Dr Asmida Isa

As a gesture to encourage efforts for “climate action” (SDG13) and “clean water and sanitation” (SDG6), ASA gifted the Sedim community a 60-liter drum. This was done in light of the Used Cooking Oil (UCO) project which encourages households to collect used cooking oil for sale. This will not only generate funds to support community-driven projects, but most importantly, protect Malaysia's waterways from pollution and preserve wildlife. The collected used oil can be sold to companies such as

PETRONAS which is working Ministry of Plantation and Commodities to produce sustainable aviation fuel (SAF) partly from used cooking oil. Imagine the huge amounts of greenhouse emissions from our flights saved, thanks to this initiative!



Photo By Instagram: @hex_zain

AMDI students cleaning the riverbank of Sungai Sedim

After taking a walk through the broken branches and admiring the stunning views, students cleaned the riverbank to ensure easy access to Sungai Sedim and boosting the area's attractiveness as a tourist destination. Throughout the day, students and community members bonded over a communal meal, enjoyed swimming in the river, and participated in shared prayers.



Photo By Instagram: @hex_zain

Group picture of AMDI students and staff with the Sedim Community

The event concluded with heartfelt speeches from Dr Ida Shazrina Ismail, Deputy Director (Academic and International), and Mr. Abdul Mutalib, expressing gratitude and underscoring the importance of such collaborations. This event exemplified the power of active community engagement and the impact of sustainable practices, leaving a lasting positive impression on both AMDI students and the Sedim community.

Program Pendidikan Dan Kesedaran Kanser Untuk Pelajar Sekolah Menengah Dan Universiti Berjaya Mendorong Para Pelajar Lebih Cakna Akan Penjagaan Kesihatan

Community

26 JUNE 2024 / BY NORFARAZIEDA BINTI HASSAN



Cancer Educational and Awareness Programme

📷 Photo By MPRC

UITM Cawangan Pulau Pinang Bertam Dan Institut Perubatan Dan Pergigian Termaju (IPPT), June 26 2024 –

Institut Perubatan dan Pergigian Termaju (IPPT) dan Jabatan Sains Bioperubatan dengan kerjasama Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Pulau Pinang, Kampus Bertam telah menganjurkan Program Pendidikan dan Kesedaran Kanser untuk pelajar sekolah menengah dan universiti (Cancer Educational and Awareness Programme for Secondary School and University Students). Program ini telah ditaja oleh British Society for Immunology di bawah BSI Communication and Engagement grant dan mendapat sokongan Majlis Kanser Nasional (MAKNA). Program ini diadakan sempena sambutan Cancer Immunotherapy Awareness dan juga Cancer Survivor pada bulan Jun.



Photo By MPRC

MSCR Talk dari NIH

Program Pendidikan dan Kesedaran Kanser ini dijalankan selama dua hari bermula 26 hingga 27 Jun 2024 yang diadakan di UiTM Kampus Bertam dan IPPT. Matlamat utama program ini adalah bertujuan untuk memberi kesedaran awal kepada golongan masyarakat terutamanya golongan pelajar akan kepentingan saringan

awal kanser, memahami gejala kanser dan memupuk minat mereka dalam bidang STEM. Program ini melibatkan 40 Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Kepala Batas, 50 Pensyarah dan staf Universiti (USM dan UiTM) dan kira-kira 200 Pelajar Universiti (USM dan UiTM).



Photo By MPRC

Suasana aktiviti yang dijalankan

Pada hari pertama iaitu pada 26 Jun, program ceramah pendidikan diadakan di Dewan Kuliah 2, UiTM Cawangan Pulau Pinang Kampus Bertam yang diketuai oleh Dr. Nurulisa Zulkifle. Program dimulakan dengan kata-kata aluan oleh Dr. Norfarazieda Hassan, selaku Pengerusi program. Seterusnya, ucapan oleh Profesor Madya Dr. Hasni Arsad merupakan Timbalan Pengarah (Penyelidikan & Jaringan), IPPT USM. Acara diteruskan dengan ucapan oleh Ts. Dr. Mohamad Azhar Mohd Noor, Penolong Rektor, UiTM Cawangan Pulau Pinang yang sangat menyokong dan mengalu-alukan kolaborasi antara kedua-dua institut.

Program diteruskan lagi dengan sesi ceramah berkaitan kesedaran Kanser yang disampaikan oleh Dr. Fitreena Anis Amran, Ketua Bahagian Perkhidmatan & Penyelaras EHS, PPUSMB menyampaikan ceramah yang bertajuk 'Diagnosis dan rawatan kanser di PPUSMB'. Manakala, ceramah berkaitan Penyelidikan Kanser di IPPT USM disampaikan oleh Profesor Madya Dr. Badrul Hisham Yahaya selaku Ketua Program Penyelidikan 'Breast Cancer Translational Research Programme' (BCTRP@IPPT), USM. Seterusnya, program diteruskan lagi dengan sesi ceramah oleh Puan Mushitah Abu, Sukarelawan Majlis Kanser Nasional (MAKNA) dan ceramah terakhir disampaikan oleh Puan Nur Farahin Nordin merupakan Pegawai Sains, Daftar Sel Stem Malaysia, Institut Penyelidikan Perubatan (MSCR, IMR). Turut hadir dalam Program Pendidikan dan Kesedaran Kanser ini adalah Dr. Muhammad Amir Yunus, Ketua Jabatan Sains Bioperubatan, IPPT, Profesor Madya Ts. Dr. Kay Dora Abdul Ghani Timbalan Rektor, UiTM Cawangan Pulau Pinang, Profesor Madya Dr. Mohd Hafiz Mohd Zin, merangkap Timbalan Pengerusi program, Dr. Mohd Nadzri Mohd Najib, Ketua Program, UiTM CPP dan juga ahli-ahli jawatankuasa lain yang terlibat termasuk Dr. Nor Hazwani Ahmad dan Profesor Madya Dr. Bakiah Shaharuddin.



Photo By MPRC

Sebahagian fasilitator yang terlibat.

Program Pendidikan dan Kesedaran Kanser diteruskan lagi pada sesi petang dengan Pameran dan pertunjukan yang diketuai Dr. Siti Razila Abdul Razak. Antara pameran dan pertunjukan yang dijalankan adalah Future Scientists: Conquer Cancer, Genetic Code Geeks: Exploring the Blueprint of Life, Green Extraction and Nanotech for Carcinogen Detection, Toxicity Trails: Mapping Contaminant Sources in Our Community, Radiation Technology in Medicine, MedTech Robotics dan EduCareers in Science.

Pada hari kedua, 27 Jun, program diketuai oleh Dr. Siti Nurfatimah Shahpudin. Program ini dimulakan dengan sesi taklimat Asas Keselamatan Biologi serta Kemudahan Rumah Haiwan dan Kajian Haiwan dalam Penyelidikan Kanser yang dijalankan di Pusat Penyelidikan Haiwan, IPPT. Program diteruskan dengan sesi lawatan ke makmal di mana para pelajar dibahagikan kepada lima kumpulan dan setiap kumpulan harus mengikuti setiap stesen yang telah disediakan. Lawatan stesen pertama dijalankan di seksyen Microscope, Stesen 2 di makmal Cell Culture, Stesen 3 di makmal qRT-PCR, PCR and gel electrophoresis, Stesen 4 di makmal Flow Cytometry dan Stesen 5 di makmal Bioinformatics.

Aktiviti berkumpul diteruskan lagi pada sesi petang yang ketua Prof Madya Dr. Fatanah Mohamad Suhaimi di Pusat Perubatan USM Bertam (PPUSMB). Para pelajar SMK Kepala Batas dibahagikan kepada empat kumpulan dan setiap kumpulan diberikan masa selama 20 minit untuk melawat ke setiap stesen. Antara stesen yang disediakan adalah di Klinik Pergigian Pakar 1 (Oral Health Matters: Get Screened, Stay Clean!), Perkarangan Bilik Mesyuarat Utama (Inspire and Create: A World of Art Awaits) dan di dalam Bilik Mesyuarat Utama (Nutrition Education Activities: Eat Right, Future Bright!) dan stesen terakhir berlangsung di Unit Rehabilitasi (Path to Recovery: Educational Visit to Rehabilitation Unit). Program petang ini juga dibantu oleh sukarelawan MAKNA.

Majlis Penutup Program Pendidikan dan Kesedaran Kanser untuk Pelajar Sekolah

Menengah dan Universiti diadakan di Perkarangan Bilik Mesyuarat Utama, PPUSMB dengan disempurnakan oleh Profesor Madya Dr. Hasni Arsad, Timbalan Pengarah (Penyelidikan & Jaringan), IPPT USM dan seterusnya ucapan penutup majlis oleh Tuan Haji Mohamad Rafie Yaakob selaku Pengetua, SMK Kepala Batas. Sesi penyampaian hadiah dan cenderahati turut dijalankan pada akhir majlis ini.



Photo By MPRC

Suasana Program Pendidikan dan Kesedaran Kanser untuk Pelajar Sekolah Menengah dan Universiti

Hadir sama ialah ahli-ahli jawatankuasa yang lain termasuk Dr. Nurhuda Mohamad Ansor, Dr. Shafinah Ahmad Suhaimi, Dr. Hazrina Yusof Hamdani, Dr. Sharlina Mohamad, Dr. Hazwani Ahmad Yusof@Hanafi, Encik Yusmadi Norashid, Ketua Pentadbiran; Kakitangan Perubatan dan Pengurusan IPPT/PPUSMB; Guru-guru pengiring dan pentadbir kanan SMK Kepala Batas.

Program ini rata-ratanya mendapat sambutan yang menggalakkan dan maklum balas yang sangat baik daripada pelajar-pelajar dan guru-guru SMK Kepala Batas yang terlibat. Jalinan kerjasama ini bakal diteruskan bagi memupuk minat pelajar kepada bidang STEM yang sejajar dengan SDG 3 (Good Health and Well-being) dan SDG 4 (Quality Education).

Teks: Nur Aqilah Binti Tajul Ashikin

Disunting oleh: Dr. Norfarazieda Hassan

Foto: Norizan Ishak

Pusat Media & Perhubungan Awam
Institut Perubatan dan Pergigian Termaju
Universiti Sains Malaysia
27 Jun 2024

#ippt #ppusmb #usm #WeLead

<https://www.facebook.com/share/VLRmnnL5n76CP7Xr/?mibextid=WC7FNe>

Pengarah IPPT/PPUSMB Santuni Para Pesakit Paliatif

Community

28 JUNE 2024 / BY NUR AQILAH BINTI TAJUL ASHIKIN



LAWATAN PESAKIT PALIATIF 2024

📷 Photo By NORIZAN ISHAK

Kepala Batas, Pulau Pinang, June 28 2024 –

KEPALA BATAS, PULAU PINANG, 28 Jun 2024 – Pengarah Institut Perubatan dan Pergigian Termaju (IPPT) dan Pusat Perubatan USM Bertam (PPUSMB), Profesor Dato' Ir. Dr. Faisal

Rafiq Mahamd Adikan, FASc. hari ini meluangkan masa menyantuni para pesakit daripada Unit Paliatif PPUSMB dengan melakukan lawatan ke rumah pesakit bersama warga staf IPPT/PPUSMB.



Photo By NORIZAN ISHAK
Lawatan Pesakit Paliatif 2024

Matlamat utama lawatan ke rumah pesakit paliatif adalah bertujuan untuk memberikan perawatan simptom, penilaian aspek psikososial, bantuan praktikal dan membantu pesakit yang mempunyai masalah logistik di mana ia memfokuskan kepada pesakit yang sudah terlantar dan sukar untuk bergerak keluar.

Perkhidmatan lawatan ke rumah pesakit paliatif telah bermula sejak lebih 10 tahun serta lebih berkembang sejak penjenamaan semula PPUSMB pada tahun 2022 dan susulan penambahan jururawat daripada Majlis Penandatanganan Memorandum Perjanjian (MoA) di antara Universiti Sains Malaysia (USM) dan Majlis Kanser Nasional (MAKNA) pada 21 Ogos 2023. Sejajar dengan perkembangan perkhidmatan, Unit Paliatif PPUSMB menawarkan perkhidmatan lawatan ke rumah pesakit paliatif kepada tiga hari lawatan setiap minggu, demi menampung jumlah pesakit paliatif yang bertambah bermula Julai 2024.

Lawatan bersama pengarah ini melibatkan empat buah rumah pesakit, yang kebanyakannya terdiri daripada pesakit-pesakit kanser dan juga seorang pesakit kronik yang sudah terlantar di rumah. Sumbangan turut diberikan kepada para pesakit dan ahli keluarga yang dinamakan 'Kit Maidah Rahman', terdiri daripada

barang-barang keperluan asas harian. Sumbangan itu disampaikan sendiri oleh Profesor Dato' Ir. Dr. Faisal Rafiq Mahamd Adikan, FASc selaku Pengarah di IPPT/PPUSMB.



Photo By NORIZAN ISHAK

Lawatan Pesakit Paliatif 2024

Hadir sama adalah Dr. Siti Khairizan Rahim, Ketua Penyelaras Unit Paliatif; Profesor Madya Dr. Hasni Arsad, Timbalan Pengarah (Penyelidikan dan Jaringan); Prof. Madya Dr. Noor Khairiah A. Karim, Timbalan Pengarah (Klinikal, Kelestarian & Piawaian); Dr. Fitreena Anis Amran, Ketua Perkhidmatan Perubatan, Pensyarah Perubatan/Pakar Bedah Am; Dr. Mohamad Zulfadhli Abdullah, Pegawai Perubatan; Jururawat terlatih PPUSMB, SN Norjalilah Umar; Jururawat MAKNA, SN Noor Syamsyela Shamsudin, serta Kakitangan Pengurusan IPPT/PPUSMB.

Teks: Nur Aqilah Tajul Ashikin

Disunting oleh: Dr. Mohamad Zulfadhli Abdullah dan Dr. Siti Khairizan Rahim

Foto: Norizan Ishak

Pusat Media & Perhubungan Awam

Institut Perubatan dan Pergigian Termaju

Universiti Sains Malaysia

28 Jun 2024

'Mastering Basic Cell Culture Workshop' (MABCET 2024)

Community

26 JULY 2024 / BY AHMAD FARID BIN ASMAIL @ ISMAIL



Para peserta merakamkan gambar bersama Timbalan Pengarah (Penyelidikan dan Jaringan) IPPT

📷 Photo By CRL

BILIK SEMINAR ARC DAN MAKMAL SEL KULTUR 6, CRL 4, July 26 2024 -

Seksyen Makmal Penyelidikan Berpusat (CRL), Bahagian Penyelidikan dan Jaringan, Institut Perubatan dan Pergigian Termaju (IPPT) telah menganjurkan 'Mastering Basic Cell Culture Workshop' pada 26 Julai 2024 yang lalu bertempat di Bilik Seminar, ARC dan Makmal Sel Kultur 6, CRL 4. Bengkel yang diadakan selama satu (1) hari ini telah diadakan melalui kerjasama dengan syarikat Biotek Abadi Sdn. Bhd.



Photo By CRL

Para peserta merakamkan gambar bersama Timbalan Pengarah (Penyelidikan dan Jaringan) IPPT

Teknik sel kultur adalah teknik asas dalam bidang penyelidikan biologi dan perubatan. Ianya merujuk kepada proses pertumbuhan sel atau tisu organisma secara in-vitro dibawah keadaan yang aseptik. Pemilihan teknik sel kultur dibuat adalah kerana menyedari hakikat bahawa implementasi teknik asas ini cukup tinggi didalam aktiviti penyelidikan pelajar dan penyelidik di IPPT. Ini telah dibuktikan dengan tahap penggunaan fasiliti sel kultur yang sangat tinggi melibatkan kesemua makmal-makmal diuruskan pihak CRL.

Bengkel yang memberi pendedahan kepada peserta untuk meningkatkan kemahiran asas dalam teknik ini disertai seramai hampir 50 peserta yang terdiri daripada pelajar, pensyarah dan penyelidik dari dalam IPPT dan organisasi luar IPPT.



Photo By CRL

Sesi teori dikendalikan oleh penceramah jemputan

Pendekatan bengkel ini adalah secara teori dan praktikal. Buat julung kalinya juga, pihak CRL telah menyediakan platform atas talian khusus untuk memberi akses seluas-luasnya kepada peserta yang berminat untuk menyertai sesi teori yang diadakan. Bagi sesi teori, ceramah telah disampaikan oleh penceramah jemputan iaitu En. Ben Puah daripada syarikat Biotek Abadi Sdn. Bhd. Melalui slot ini, beliau telah berkongsi dengan para peserta antaranya faktor asas yang perlu dikawal dan diberi perhatian didalam teknik sel kultur contohnya semasa peringkat pemilihan sampel, penggunaan media pertumbuhan dan kandungan komponen yang bersesuaian, persekitaran pertumbuhan yang optimum dan perhatian kepada teknik aseptik untuk meminimumkan kontaminasi. Di akhir sesi teori, para peserta berpeluang berinteraksi dengan penceramah untuk mendapatkan penjelasan atas sebarang kemusykilan. Bengkel diteruskan pula dengan sesi praktikal dan demonstrasi yang diketuai oleh penceramah jemputan dengan dibantu oleh fasilitator-fasilitator yang terdiri dari warga CRL.

Secara keseluruhannya, bengkel ini telah diadakan dengan jayanya dan maklumbalas yang diterima dari para peserta diakhir program sangat memberangsangkan. Pihak CRL juga sangat menghargai komitmen dan kerjasama yang diberikan oleh semua pihak yang bertungkus lumus menjayakan bengkel ini, terutamanya para pensyarah yang telah sudi menyumbangkan sel untuk digunakan oleh para peserta didalam sesi praktikal yang diadakan.

SDG 3: Ensure healthy lives and promote well-being for all at all ages

SDG 4: Ensure inclusive and equitable quality education and promote lifelong learning opportunities for all

Disediakan oleh: Ahmad Farid bin Asmail@Ismail

SEMINAR MENINGKATKAN NILAI KOMERSIAL MADU MELALUI UJIAN KUALITI (SIRI 2)

PENDAHULUAN

Seksysen Makmal Penyelidikan Berpusat (CRL), Institut Perubatan dan Pergigian Termaju akan menganjurkan **SEMINAR MENINGKATKAN NILAI KOMERSIAL MADU MELALUI UJIAN KUALITI (SIRI 2)** yang bertemakan **'Madu Premium Bertaraf Dunia'**. Seminar ini memfokuskan topik keselamatan madu bermula pada awal proses penghasilan madu sehingga kepada aspek-aspek keperluan kualiti untuk tujuan pemasaran, pengkomersialan, industri dan juga eksport ke peringkat antarabangsa khusus kepada penternak, pengusaha dan usahawan tempatan di Malaysia.

OBJEKTIF

1. Menyediakan platform perkongsian ilmu secara dua hala kepada masyarakat tentang khasiat madu daripada bukti kajian saintifik, kesihatan dan perubatan.
2. Pendedahan yang lebih terperinci tentang kepentingan fungsi label makanan.
3. Meningkatkan nilai tambah bagi setiap produk yang dihasilkan oleh penternak atau pengusaha madu untuk tujuan pemasaran, pengkomersialan, industri dan juga eksport ke peringkat antarabangsa.

PENCERAMAH



PUAN HAMIZA OTHMAN
Pegawai Teknologi Makanan
Bahagian Keselamatan dan
Kualiti Makanan
Jabatan Kesihatan Negeri P. Pinang



DR. MOHD ZULKIFLI MUSTAFA
Pensyarah Universiti
Jabatan Neurosains
Pusat Pengajian Sains Perubatan
Universiti Sains Malaysia



PUAN SITI ANARITA MOHAMAD
Penolong Penganjur Keran
Bahagian Keselamatan dan
Kualiti Makanan
Jabatan Kesihatan Negeri P. Pinang

ATURCARA

Masa	Program
8.00 - 8.30 pg	Pendaftaran
8.30 - 8.45 pg	Ucapan aluan oleh Profesor Madya Dr. Hasni Arsad Timbalan Pengarah Bahagian Penyelidikan dan Jaringan
8.45 - 10.00 pg	Ceramah 1: Dr. Mohd Zulkifli Mustafa Tajuk: Transformasi dalam Penghasilan Madu Premium untuk Pembangunan Sosioekonomi
10.00 - 10.30 pg	Sesi bergambar dan minum pagi
10.30 - 11.30 pg	Ceramah 2: Dr. Mohd Zulkifli Mustafa Tajuk: Rahsia Khasiat dan Pengkomersialan Madu kelulut Premium
11.30 - 12.00 tgh	Taklimat oleh Puan Rafedah Abas, Ketua Seksysen CRL Tajuk: Pengenalan Pengujian Madu di Makmal Pengujian CRL, IPPT
12.00 - 1.00 tgh	Lawatan ke Makmal Penyelidikan Berpusat dan Demo Alatan GC-FID dan UV-VIS Spectrophotometer untuk Ujian Madu - Sugar Profile dan HMF
1.00 - 2.30 ptg	Istirahat dan makan tengahari
2.30 - 3.30 ptg	Ceramah 3: Puan Siti Anarita Mohamad Tajuk: Label dan Produk Home Based Food
3.30 - 4.30 ptg	Ceramah 4: Puan Hamiza Othman Tajuk: Keperluan Pengeksporan Makanan
4.30 - 5.00 ptg	Minum petang Tamat

Brosur seminar

 Photo By CTU

SEMINAR ROOM, ARC AND CENTAL RESEARCH LAB (CRL), July 25 2024 –

SEMINAR MENINGKATKAN NILAI KOMERSIAL MADU MELALUI UJIAN KUALITI (SIRI 2) yang bertemakan 'Dari Ladang ke Pentas Dunia' telah dianjurkan dengan jayanya oleh CRL Testing Unit (CTU) pada 25 Julai 2024 bertempat di Bilik Seminar dan Makmal Penyelidikan Berpusat, Kompleks Penyelidikan Haiwan. Penganjuran seminar pada kali ini merupakan kesinambungan daripada seminar Siri 1 yang telah dianjurkan pada awal tahun 2020.

Seminar kali ini memfokuskan topik keselamatan madu bermula pada awal proses penghasilan madu sehingga kepada aspek-aspek keperluan kualiti untuk tujuan pemasaran, pengkomersialan, industri dan juga eksport ke peringkat antarabangsa khusus kepada penternak, pengusaha dan usahawan tempatan di Malaysia. Seminar ini juga menjadi platform perkongsian ilmu secara dua hala kepada masyarakat tentang khasiat madu daripada bukti kajian saintifik, kesihatan dan perubatan. Para peserta juga akan diperkenalkan dengan Makmal Pengujian Madu atau CRL Testing Unit (CTU) yang telah beroperasi selama 10 tahun dalam perkhidmatan pengujian kualiti madu di IPPT, USM. Menjadi harapan penganjur agar kupasan topik berinformasi dan menarik dalam tempoh sehari seminar dijalankan dapat menarik ramai pengusaha madu, usahawan dan penyelidik di kawasan utara Malaysia khususnya dan juga di seluruh Malaysia amnya.



Photo By CTU

Para peserta bergambar kenangan bersama penceramah dan penganjur

Dalam ucapan perasmian oleh Timbalan Pengarah Penyelidikan dan Jaringan, Prof Madya Dr Hasni bin Arsad, seminar ini melibatkan pengusaha-pengusaha madu tempatan yang bertujuan untuk memberi pemahaman tentang kepentingan penjagaan kualiti madu dan piawaian-piawaian tertentu yang mereka perlu penuhi untuk mengekalkan kualiti madu.

Tambah beliau, “Apabila madu yang dihasilkan adalah berkualiti dan dibuktikan pula secara saintifik ia dapat meningkatkan permintaan bukan sahaja dalam negara bahkan berpotensi untuk menembusi pasaran antarabangsa serta menjana pendapatan para pengusaha,”.

Seminar ini bermula dengan ceramah dari penceramah khas yang diterbangkan dari Kubang Krian Kelantan, Dr. Mohd Zulkifli Mustafa. Dr Zulkifli Mustafa ialah seorang penyelidik saraf yang menjalankan kajian madu untuk meningkatkan daya ingatan dan menangani penyakit otak. Kajian yang beliau jalankan ini mendorong beliau untuk mencari cara bagi mengembangkan pengeluaran madu berkualiti tinggi di Malaysia. Beliau menyampaikan ceramah yang bertajuk Transformasi dalam Penghasilan Madu Premium untuk Pembangunan Sosioekonomi dan Rahsia Khasiat dan Pengkomersilan Madu Kelulut Premium.

Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang, Puan Siti Anarita Mohamad telah menyampaikan ceramah yang bertajuk Label dan Produk Home Based Food. Manakala Puan Hamiza Othman Pegawai Teknologi Makanan dari jabatan yang sama telah menyampaikan ceramah berkaitan Keperluan Pengeksportan Makanan.



Photo By CTU

Para peserta diberi penerangan berkaitan analisis HMF oleh Encik Ahmad Farid.

Para peserta juga diberi penerangan berkaitan CTU oleh Ketua Seksyen Makmal Penyelidikan Berpusat, Puan Rafedah binti Abas. Selain itu, para peserta diberi peluang untuk memasuki makmal dan melihat sendiri demo alatan Gas Chromatography Flame Ion Detector (GC-FID) untuk ujian profil gula dan UV-VIS Spectrophotometer untuk ujian Hydroxymethylfurfural (HMF). Para peserta yang hadir pada hari seminar juga ditawarkan untuk menjalankan analisis madu untuk menguji abu (ash) secara percuma.

SDG-3,8,9

Ditulis oleh Syazwani binti Ismail dan Nurulakma binti Zali, 2024

PROGRAM MOBILE COMMUNITY SERVICES: WE CAN SAVE LIFE DI PERKAMPUNGAN ORANG ASLI ULU LEGONG BALING KEDAH

Community

10 AUGUST 2024 / BY SITI FATIMAH BINTI SHARI



Sebahagian dari penduduk orang asli Ulu Legong yang hadir

📷 Photo By Law Kim Sooi

PERKAMPUNGAN ORANG ASLI ULU LEGONG BALING KEDAH, August 10 2024 –

Mengetahui dan memahami kaedah tepat untuk melakukan 'cardiopulmonary resuscitation' atau lebih dikenali sebagai CPR antara yang perlu diberi perhatian. Namun masih ramai yang menganggap kemahiran itu hanya perlu dikuasai pengamal perubatan. Secara realitinya, CPR paling diperlukan ketika berlaku keadaan atau kejadian di mana jantung terhenti atau 'cardiac arrest.' Dimana tiada pengamal perubatan di tempat kejadian. Keadaan ini berlaku apabila apabila jantung mula berhenti mengepam darah yang membawa oksigen ke seluruh badan secara tidak langsung boleh membawa kepada kerosakan kekal pada otak. Kerosakan kekal pada otak boleh bermula seawal selepas empat minit tanpa oksigen malah kematian juga boleh berlaku antara empat hingga enam minit kemudian.



Photo By Pn Nurul Ashikin Nafees

Sesi pengenalan BLS pada penduduk orang asli

Sehubungan dengan itu, Pusat Perubatan Universiti Sains Malaysia Bertam (PPUSMB) dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) Ulu Legong, Baling hadir di Perkampungan Orang Asli Ulu Legong bagi mengadakan Program Community Services: We Can Save life. Program ini bertujuan memberi pendedahan dan pengetahuan tentang teknik melakukan 'cardiopulmonary resuscitation' (CPR) dalam menyelamatkan nyawa seseorang. Program ini diwakili oleh 10 orang sukarelawan staf perubatan dari PPUSMB yang menjadi fasilitator program.

Seramai 150 orang penduduk orang asli yang hadir dan menyertai program tersebut. Program tersebut berlangsung di Dewan Kampung Orang Asli Ulu Legong, Baling. Aktiviti yang di jalankan adalah Pengenalan Basic Life Support, Sesi demonstrasi CPR-Adult BLS, Paediatric BLS, Heimlich Manoeuvre dan aktiviti fizikal untuk kanak-kanak.

Bagi memeriahkan program aktiviti permainan untuk kanak-kanak turut diadakan. Aktiviti yang dilakukan adalah seperti tiup belon, kerusi berirama dan lari berpasangan.



Photo By Pn Nurul Ashikin Nafees

Demonstrasi BLS -pediatrik

Dengan adanya program seperti ini, teknik pembelajaran cara melakukan CPR yang betul dapat dipelajari dan sangat bermakna buat penduduk orang asli sekiranya berdepan keadaan jantung terhenti. Jarak hospital dari perkampungan agak jauh dan dalam masa yang sama dapat memberi dua hingga tiga kali peningkatan dalam peluang hidup berbanding mangsa yang tidak dibantu dengan CPR sebelum petugas perkhidmatan perubatan kecemasan tiba.



Photo By Pn Nurul Ashikin Nafees

Demonstrasi Heimlich Manoeuvre

Secara keseluruhan, program ini telah berjalan dengan baik dengan objektif tercapai. Pihak PPUSMB merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada En Razali

bin Kulim selaku Tok Batin dan Penduduk perkampungan orang asli Ulu Legong bagi menjayakan program ini.



Photo By Pn Nurul Ashikin Nafees

Aktiviti bersama anak-anak orang asli



Photo By Pn Nurul Ashikin Nafees

Staf perubatan PPUSMB yang terlibat di Perkampungan orang asli Ulu Legong Baling Kedah

PROGRAM MOBILE COMMUNITY SERVICES: EVERYBODY CAN DO IT DI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN PEKULA JAYA SG PETANI KEDAH

Community

22 AUGUST 2024 / BY SITI FATIMAH BINTI SHARI



Sesi Taklimat dan penerangan ringkas tentang pertolongan cemas

📷 Photo By Dr Rohayu Hami

SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN PEKULA JAYA SG PETANI KEDAH, August 22 2024 –

Mengetahui dan memahami ilmu pertolongan cemas di sekolah adalah sangat penting kerana pelajar-pelajar di sekolah seringkali terlibat dengan aktiviti fizikal yang boleh menyebabkan kecederaan. Rawatan kecemasan atau pertolongan cemas merupakan satu bentuk bantuan kesihatan yang diberikan kepada mangsa dengan keadaan segera. Rawatan akan diberikan oleh orang yang berhampiran dengan mangsa sebelum rawatan selanjutnya diberikan oleh pasukan perubatan. Rawatan dan bantuan awal dapat menyelamatkan nyawa. Demi mewujudkan masyarakat Malaysia yang peka dan celik tentang pertolongan cemas pendedahan dan pengajaran haruslah bermula di peringkat awal iaitu di peringkat sekolah.



Photo By Siti Fatimah Shari

Sesi Taklimat dan penerangan ringkas tentang pertolongan cemas

Sehubungan dengan itu, pihak Pusat Perubatan Universiti Sains Malaysia Bertam (PPUSMB) dengan kerjasama pihak sekolah telah mengadakan Program Mobile Community Services: *Everybody Can Do It!* di Sekolah Menengah Kebangsaan Pekula Jaya, Sungai Petani Kedah. Program ini bertujuan memberi kesedaran kepada pelajar-pelajar tentang kepentingan rawatan pertolongan cemas dan mendidik warga sekolah dalam memberi bantuan awal sekiranya berlakunya kecemasan, disamping dapat menyampaikan maklumat tentang cara mengelakan kecederaan.

Program ini diwakili oleh 14 orang sukarelawan perubatan dari PPUSMB yang diketuai oleh Dr Rohayu Hami selaku penyelar program. Program ini berlangsung di Dewan Sekolah Menengah Kebangsaan Pekula Jaya dan dihadiri seramai 125 orang pelajar tingkatan 2 serta 5 orang guru. Aktiviti yang dijalankan pada program tersebut adalah Ceramah Pengenalan tentang Asas dan Pertolongan cemas. Ceramah ini disampaikan oleh Encik Ahmad Shakry Saidon selaku Jururawat Terlatih di Unit Kecemasan PPUSMB. Sesi demonstrasi Basic Life Support juga ditunjukkan. Selain itu, aktiviti dan permainan berstesen juga dilakukan untuk memberi pendedahan kepada pelajar tentang ilmu pertolongan cemas dan kepentingan mengaplikasikan rawatan kecemasan.



Photo By Siti Fatimah Shari

Gambar bersama pelajar dan Guru-guru Sek Men Keb Pekula Jaya

Program ini sangat berguna dan telah mendapat sambutan yang baik dan mengalakkan. Program ini dapat mengajar warga sekolah tentang rawatan pertolongan cemas, memberi kesedaran tentang kepentingan rawatan kecemasan, memberi motivasi kepada mereka untuk mempelajarinya serta mengaplikasikannya pada masa hadapan serta merapatkan hubungan antara warga sekolah selaras dengan visi dan misi program ini. Pihak PPUSMB merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada barisan pengurusan Sekolah Menengah Kebangsaan Pekula Jaya bagi menjayakan program ini.



Photo By Siti Fatimah Shari

Suasana program yang dijalankan

Bengkel Kanser Payudara IPPT ke Peringkat Antarabangsa

Community

09 OCTOBER 2024 / BY BAKIAH BINTI SHAHARUDDIN



Pengenalan kepada peserta mengenai "breast prosthesis" dan bra mastektomi serta cabarannya

📷 Photo By koleksi pengarang

RUMAH SAKIT UNIVERSITAS AIRLANGGA, SURABAYA, INDONESIA, October 9 2024 –

Program Libatsama Komuniti oleh penyelidik dari **IPPT Breast Cancer Networks** telah berjaya menganjurkan bengkel "Breast Prosthesis & Mastectomy Bra" pada 9hb Oktober 2024 di **Rumah Sakit Universitas Airlangga**, Surabaya, Indonesia.

Program ini adalah kesinambungan beberapa siri bengkel yang telah berjaya dianjurkan di wilayah utara, Malaysia.

Program ini diketuai oleh Prof Madya Dr Bakiah Shaharuddin, sementara fasilitator dan jurulatih bengkel adalah Prof Madya Dr Siti Noor Fazliah Mohd Noor.



Photo By koleksi pengarang
PM Dr Alia mengajar teknik jahitan bra matektomi

Institut perubatan dan Pergigian Termaju telah menjalin kerjasama yang erat dalam bidang penyelidikan dan jaringan dengan Universitas Airlangga. Inisiatif yang terkini telah memperkukuhkan lagi kerjasama antara kedua pasukan penyelidik dalam bidang kanser dengan penglibatan komuniti kanser payudara di Surabaya, Indonesia.

40 peserta termasuk penjaga dan breast cancer survivors telah menyertai program ini yang telah berjaya menginspirasi dan meningkatkan tahap emosi dan psikologi cancer survivors.



Photo By koleksi pengarang

Peserta yang hadir berminat mempelajari teknik jahitan bra matektomi untuk kegunaan sendiri

Program Terapi Cara Kerja dan Terapi Pertuturan bersama Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) SK Pinang Tunggal

Community

03 OCTOBER 2024 / BY FATANAH BINTI MOHAMAD SUHAIMI



Antara peserta yang terlibat ketika program

📷 Photo By Nur Syazana Azizan

SEKOLAH KEBANGSAAN PINANG TUNGGAL, October 3 2024 –

SK Pinang Tunggai, Kepala Batas, 3 Oktober 2024 – Institut Perubatan dan Pergigian Temaju, USM telah bekerjasama dengan HADIS Children's Therapy Center dan Sekolah Kebangsaan Pinang Tunggai bagi Program Terapi Cara Kerja dan Terapi Pertuturan yang dipengerusikan oleh Profesor Madya Ts. Dr Fatanah Mohamad Suhaimi. Program ini bertujuan untuk memberikan pengetahuan, berkongsi pengalaman dan memberikan maklumat terkini mengenai terapi cara kerja dan terapi pertuturan kepada guru, ibu bapa, dan waris pelajar Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI).



Photo By Nur Syazana Azizan
Antara peserta yang terlibat ketika program

Melalui program ini, ibu bapa, waris dan guru didedahkan kepada kepentingan memahami perkembangan normal kanak-kanak serta mengenal pasti tanda-tanda amaran ('red flags') dalam perkembangan anak-anak. Program ini turut memberi inspirasi kepada peserta mengenai kepentingan terapi dalam membangun potensi kanak-kanak berkeperluan khas. Kesedaran ini diharapkan dapat meningkatkan interaksi positif dan sokongan dalam komuniti, terutamanya bagi mereka yang terlibat dalam pendidikan dan penjagaan anak.

Seramai 80 peserta dalam kalangan ibu bapa, waris dan guru telah hadir ke program ini. Ucapan aluan telah disampaikan oleh Encik Mohd Anuar Abdul Majid, Penolong Kanan Pentadbiran SK Pinang Tunggal. Turut hadir adalah pegawai jemputan dari Pejabat Pendidikan Daerah Seberang Perai Utara (PPD SPU), Encik Ahmad Shuib Musa dan Puan Noorasyikin Supian, yang turut memberikan sokongan penuh kepada program ini.



Photo By Nur Syazana Azizan
Pengisian program

Sesi perkongsian yang bermanfaat telah disampaikan oleh Puan Mahfuzah Rosli dari Little Bloomers Speech Therapy Centre, Puan Aminah Ahmad Fozil dari HADIS Children's Therapy Centre. Perkongsian mengenai penyelidikan terapi dan keperluan teknologi bagi komuniti berkeperluan khas turut dikongsi oleh Prof. Madya Dr. Fatanah Mohamad Suhaimi, dan Ir. Dr. Syatirah Mat Zin.



Photo By Nur Syazana Azizan
Aktiviti pemeriksaan oral

Program turut diserikan dengan demonstrasi dan pelbagai aktiviti menarik dan melibatkan terapi cara kerja, terapi pertuturan, pemeriksaan kesihatan oral, dan teknologi berkaitan. Program ini turut menampilkan pakar pergigian kanak-kanak, Prof. Madya Dr. Siti Noor Fazliah Mohd Noor, yang turut berkongsi perspektif dalam pengurusan perkembangan kanak-kanak. Lebih daripada 100 pelajar terdiri daripada pelajar PPKI dan pelajar pra telah terlibat dalam aktiviti-aktiviti yang disediakan.

Maklum balas yang sangat positif daripada peserta menunjukkan betapa pentingnya program ini dalam meningkatkan kesedaran dan pemahaman tentang terapi bagi kanak-kanak berkeperluan khas. Dengan semangat kerjasama dan komitmen kesemua pihak, program ini bukan sahaja memberikan pengetahuan tetapi juga dapat mengeratkan ikatan antara ibu bapa, guru, dan komuniti. Kami berharap program ini dapat menjadi pemangkin kepada inisiatif lain di masa hadapan, khususnya yang memberi manfaat kepada kanak-kanak berkeperluan khas.



Photo By Nur Syazana Azizan
Pelajar SK Pinang Tunggal

Projek Kelestarian @ IPPT: Bagaimana Ia Menyokong Konsep 5R dan Ekonomi Kitaran

Community

11 OCTOBER 2024 / BY SITI RAZILA BINTI ABDUL RAZAK



Apa itu Konsep 5R?

📷 Photo By Siti Razila Abdul Razak

PUSAT PERUBATAN USM BERTAM, October 11 2024 –

Apa Itu 5R dan Apa Kepentingannya?

Dalam usaha kita untuk menjaga alam sekitar dan memastikan sumber semula jadi terpelihara untuk generasi akan datang, konsep 5R semakin menjadi keutamaan. 5R adalah langkah mudah yang boleh kita semua ambil untuk menjaga alam sekitar. Ia melibatkan Refuse (Menolak), Reduce (Mengurangkan), Reuse (Menggunakan Semula), Recycle (Kitar Semula), dan Repurpose (Mengubah Suai).

Amalan 5R adalah langkah praktikal untuk mengurangkan sisa dan menjaga kebersihan alam sekitar. Setiap tindakan kecil seperti menggunakan beg pakai semula atau mendermakan pakaian lama boleh memberi kesan besar dalam mengurangkan pencemaran dan pembaziran. Dengan amalan 5R, kita bukan sahaja mengurangkan tekanan terhadap alam sekitar, tetapi juga memastikan sumber semula jadi dipelihara untuk generasi akan datang.



Photo By Siti Razila Abdul Razak

Apa itu Konsep 5R?

Bagaimana Aktiviti 5R Membantu Ekonomi Pekeliling?

Ekonomi Pekeliling atau Circular Economy adalah model ekonomi yang memanjangkan jangka hayat produk dan bahan dengan memastikan ia terus bernilai dan digunakan semula. Ini berbeza dengan ekonomi linear yang berprinsipkan beli, guna dan buang selepas digunakan. Melalui ekonomi pekeliling, barangan dikitar semula, diubah suai, atau digunakan kembali bagi mengelakkan pembaziran dan mengurangkan keperluan menghasilkan produk baharu.

Ekonomi pekeliling berusaha memaksimumkan penggunaan sumber dengan mengitar semula dan menggunakan semula bahan, sambil mengurangkan pembaziran. Ini tidak sahaja menyokong kelestarian alam sekitar, tetapi juga membuka peluang ekonomi baharu dengan mengubah sisa menjadi produk yang berguna. Walaupun begitu, menggalakkan masyarakat mengurangkan pembelian barangan baharu mungkin mencabar kerana keperluan psikologi dan sosial yang berbeza. Namun, hal ini boleh diatasi dengan program pengajaran dan pembelajaran yang mendorong masyarakat untuk mengamalkan gaya hidup yang lebih mampan.



Photo By Siti Razila Abdul Razak

Konsep 5R yang menyokong aktiviti 'reuse' dan 'reduce'

Aktiviti Sokongan Kelestarian dan Ekonomi Pekeliling di Institut Perubatan dan Pergigian Termaju (IPPT), USM

Sebagai sebahagian daripada komitmen terhadap kelestarian, IPPT telah melaksanakan pelbagai aktiviti yang menyokong 5R dan ekonomi pekeliling. Antara program yang telah berjaya dijalankan adalah pengumpulan dan penjualan semula pakaian dan barangan terpakai. Program ini telah dilaksanakan pada 25 Mac hingga 4 April 2024 bertempat di Foyer Pusat Perubatan USM Bertam. Sambutan daripada komuniti amat menggalakkan, dan ia berjaya menyokong aktiviti 5R melalui

pengumpulan hampir setengah tan fabrik. Pakaian dan barangan terpakai yang dikumpulkan telah dijual semula, manakala yang tidak berkeadaan baik akan dihantar untuk dikitar semula. Keuntungan yang diperoleh daripada program ini akan digunakan sepenuhnya bagi menyokong aktiviti kelestarian di IPPT, USM.



Photo By Unit Kelestarian IPPT

Poster Jualan Lestari dan sokongan komuniti setempat terhadap program Jualan Lestari.

Selain menyokong ekonomi pekeliling, program Jualan Lestari ini juga bertujuan untuk meningkatkan akses kepada barangan mampu milik, mengurangkan ketidaksamaan ekonomi, serta memperkukuh kesepaduan komuniti. Projek ini menyokong Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) seperti mengurangkan ketidaksamaan ekonomi (SDG 10), membina komuniti mampan (SDG 11), mempromosikan penggunaan bertanggungjawab (SDG 12), dan mengurangkan kesan negatif ke atas laut (SDG 14) serta ekosistem darat (SDG 15), sambil memupuk keadilan dan etika dalam transaksi (SDG 16).



Photo By Noor 'Akidah Binti Ubaidillah

Poster Projek Pengumpulan Baju Terpakai dan Barangan Fabrik

Meneruskan kejayaan program ini, IPPT akan mengadakan program seumpamanya sepanjang Oktober ini di Sains@Bertam, IPPT, USM, dengan kerjasama Pusat Penyelidikan Sains & Kejuruteraan (SERC), Kampus Kejuruteraan, USM. Sokongan daripada warga USM dan komuniti setempat melalui sumbangan pakaian dan fabrik yang tidak digunakan lagi adalah sangat diharapkan. Setiap usaha kecil seperti ini membantu menyokong ekonomi pekeliling dan menjaga alam sekitar untuk masa depan yang lebih hijau. Aktiviti pengumpulan barangan terpakai fasa 2 akan diadakan sepanjang bulan Oktober 2024 dan maklumat lanjut boleh didapati dengan menghubungi Dr Siti Razila (sitirazila@usm.my) dan Pn Noor Akidah (noure@usm.my).



USM STEM WEEK 2024: The Genetic Odyssey: Exploring Our Biological Heritage

Community

09 NOVEMBER 2024 / BY NORFARAZIEDA BINTI HASSAN



Dough station

📷 Photo By NH

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA, November 9 2024 –

USM STEM WEEK 2024, which took place on the 9th and 10th of November (Saturday to Sunday) at Dewan Utama Pelajar, Universiti Sains Malaysia, was an immersive journey into the fascinating world of genetics with the theme—'The Genetic Odyssey: Exploring Our Biological Heritage'. The event featured a variety of interactive booths and activities designed to engage participants of all ages and backgrounds in the wonders of genetic science. Advanced Medical and Dental Institute (AMD I) participated at the main event as one of the STEM exhibitors.



Photo By Dr. Norfarazieda Hassan

Some of lecturers involved

One of the main attractions of the AMDI sections was the Hands-On Genetics: Learning Cells, Genes, and DNA booth (Dr. Siti Razila and Assoc. Prof. Dr. Fatanah). Here, attendees delved into the fundamentals of cellular biology and genetics through comprehensive notes, detailed models, and interactive activities. Participants tested their knowledge with quizzes, assembled double-stranded DNA molecules, labelled cell parts, created DIY chromosome models, and engaged in Q&A sessions with experts. This hands-on approach aimed to make complex genetic concepts accessible and engaging.

The Genetic Guidepost: Your Traits and Beyond booth (Dr. Siti Nurfatimah and Dr. Shafinah) explored how our genetic makeup shapes our unique traits and predispositions. Visitors played the role of inheritance detectives by tracing genetic disorders using a pegboard to display the patterns of inheritance for single-gene and polygenic disorders. Another highlight was the unique trait tracker activity, where students created bracelets with beads representing their inherited traits! Additionally, printed crosswords and word searches provided a fun and educational challenge, while informative posters and clay models made learning about DNA strands and karyotypes both visual and interactive.



Photo By Dr. Norfarazieda Hassan
The team with AMDI's director

At the Chromosome Abnormality booth (Dr. Mohammad Syamsul and Dr. Muhammad Amir), attendees learned about the different types of chromosome abnormalities and their impact on health through detailed displays and hands-on models. This booth provided crucial insights into the genetic factors that can lead to various medical conditions, enhancing understanding and awareness of these complex issues.



Photo By Dr. Norfarazieda Hassan

DNA

The From Mutations to Monsters: Meet the Cancer Cells booth (Dr. Nurulisa and Dr. Norfarazieda) offered an in-depth look at how genetic mutations can lead to cancer. Engaging activities included the cell creativity with dough station, where participants could create cell models using dough, providing a tactile and creative way to understand immune cell structure, illustrated the dynamic interaction between immune cells and cancer cells. Biomarker discovery challenge encouraged participants to engage in activities aimed at identifying genetic biomarkers. The targeted therapy dart game allowed participants to learn about targeted cancer therapies through a fun and interactive dart game.



Photo By Dr. Norfarazieda Hassan

Dart game

USM STEM Week 2024's proved to be an educational and inspiring event for all who attended. Through interactive activities, engaging displays, and expert insights, participants gained a deeper appreciation for the genetic foundations that shape our lives. Whether students, educators, or science enthusiasts, this event offered a unique opportunity to explore the fascinating world of genetics and uncover the secrets of our biological heritage.

Prepared by:

Dr. Norfarazieda Hassan

Department of Biomedical Science

Advanced Medical And Dental Institute

USM

Program Cuti Sekolah: Saintis Cilik Istimewa Madani Bersama Kanak-kanak Istimewa Daripada Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) Daerah Seberang Prai Utara

Community

19 SEPTEMBER 2024 / BY RABETA BINTI MOHD SALLEH



Program Saintis Cilik Istimewa Madani baru bermula

📷 Photo By En. Norizan Ishak

BILIK SEMINAR, BANGUNAN ARC, September 19 2024 -



Photo By En. Norizan Ishak

Semua 15 peserta menerima sijil penyertaan

Pada **19 September 2024** Institut Perubatan dan Pergigian Termaju (IPPT) telah menganjurkan **Program Cuti Sekolah: Saintis Cilik Istimewa Madani** bersama 15 orang kanak-kanak istimewa daripada Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) Daerah Seberang Prai Utara yang berusia 9 hingga 12 tahun. PPKI yang terlibat ialah daripada PPKI S.K Hashim Awang, Kepala Batas, PPKI S.K Pokok Sena, Kepala Batas dan PPKI S.K Pasir Gebu, Penaga, Pulau Pinang. Tema program adalah Kitar Semula Amalan Mulia.

Dr. Rabeta Mohd Salleh, Pensyarah daripada Jabatan kesihatan Komuniti yang merupakan Pengerusi Program dan juga penceramah telah dibantu oleh Pegawai Sains Pn. Syazwani Ismail, dan Penolong Pegawai Sains *En. Norhiman Ahmad* dan Pn. *Halianis Yusoff* sebagai fasilitator.



Photo By En. Norizan Ishak

Pn. Syazwani mengetuai lawatan ke makmal CRLI

Objektif program adalah:

- 1) Menggalakkan penglibatan kanak-kanak istimewa daripada Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) Daerah Seberang Prai Utara dengan amalan kitar semula.
- 2) Meningkatkan kesedaran kanak-kanak istimewa dengan kepentingan amalan kitar semula minyak masak terpakai.
- 3) Mendedahkan aktiviti inovasi kepada kanak-kanak istimewa.

Program kitar semula selama 3 jam ini telah diadakan di Bilik Seminar, Bangunan ARC, IPPT, selaras dengan salah satu dimensi Rancangan Malaysia ke 12 iaitu kemampanan alam sekitar serta objektif Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) 11 - Bandar Dan Masyarakat Yang Mampan dan SDG 12 - Penggunaan dan Pengeluaran Bertanggungjawab. Kanak-kanak istimewa ini juga diberi peluang melawat makmal CRL.



Photo By En. Norizan Ishak

En. Norhiman sedang melakukan demo cara membuat sabun cuci daripada minyak masak terpakai



Photo By Rabeta Binti Mohd Salleh

Poster copyright Cara Membuat Sabun Basuh daripada Minyak Masak Terpakai

Minyak masak merupakan bahan asas dalam setiap isi rumah di dunia. Salah satu cara terbaik menguruskan minyak masak terpakai adalah kitar semula. Bahan-bahan yang digunakan untuk menghasilkan sabun cuci ialah minyak masak terpakai, natrium hidroksida dan sodium lauril sulfat manakala bahan membuat lilin aromaterapi pula ialah minyak masak terpakai dan asid stearik. Selain itu pewarna makanan dan pewangi juga digunakan untuk mewangikan lagi kedua-dua produk inovasi ini.

Kanak-kanak istimewa adalah sebahagian daripada mereka yang tergolong dalam kumpulan Orang Kurang Upaya (OKU), namun sebahagian daripada mereka dapat berdikari seperti kanak-kanak normal yang lain. Mereka juga mempunyai minat dan kemahiran terutama dalam bidang sains. Adalah penting kita membantu mereka mengembangkan minat dan kemahiran mereka terutamanya dalam bidang STEM. Bukan sahaja ibubapa dan guru, malah komuniti setempat seperti para saintis juga perlu membantu memberi sokongan moral dan fizikal kepada kanak-kanak istimewa agar mereka lebih berasa yakin untuk hidup berdikari di masa akan datang.



Photo By En. Norizan Ishak

Pn. Halianis sedang melakukan demo cara membuat lilin aromaterapi daripada minyak masak terpakai



Photo By Rabeta Binti Mohd Salleh

Poster copyright Cara Mebuat Lilin Aromaterapi daripda Minyak Masak Terpakai

Pada 3 September 2024 kumpulan kami telah memohon pendaftaran copyright daripada MyIPO bagi 2 poster iaitu Cara Membuat Sabun Basuh Daripada Minyak Masak Terpakai **(LY2024P05970)** dan Cara Membuat Lilin Aromaterapi Daripada Minyak Masak Terpakai **(LY2024P05971)**. Diharap poster ini dapat menjadi rujukan bagi semua komuniti yang ingin menjana pendapatan daripada bahan buangan terutamanya minyak masak terpakai dan botol air mineral yang kosong.

Kumpulan kami juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada beberapa staf daripada Pusat Media dan Perhubungan Awam IPPT yang sudi membantu menjayakan program dan juga ucapan terima kasih kepada ibubapa yang sudi memberi kerjasama dan keizinan membenarkan kanak-kanak istimewa mereka menyertai program ini.

Sindrom Cushing

Expert Column

02 JULY 2024 / BY SALBIAH BINTI ISA



Kelenjar adrenal adalah kelenjar endokrin berbentuk segitiga yang terletak di atas buah pinggang di bahagian atas rongga abdomen

Photo By pixels.com

Pengenalan

Sindrom Cushing adalah keadaan kesihatan yang disebabkan oleh tahap hormon kortisol yang tinggi dalam tubuh untuk tempoh masa yang lama. Kortisol adalah salah satu hormon yang dihasilkan oleh kelenjar adrenal (Gambarajah 1) yang berfungsi untuk mengatur pelbagai proses dalam tubuh manusia seperti metabolisme, tekanan darah, dan respons terhadap tekanan atau stres. Keadaan ini boleh terjadi dalam semua peringkat umur dan jantina.

Punca


Sindrom Cushing boleh berlaku disebabkan oleh dua punca utama:

Punca Luaran (Eksogen): Ini berlaku apabila seseorang mengambil steroid dalam dos yang tinggi untuk tempoh yang lama, sama ada sebagai rawatan untuk keadaan seperti asma, alergi kronik, rheumatoid arthritis, penyakit kerangan usus atau sebagai sebahagian daripada rawatan kanser.

Punca Dalaman (Endogen): Ini berlaku apabila kelenjar adrenal menghasilkan terlalu banyak kortisol. Punca dalaman yang paling biasa adalah adenoma hipofisis, iaitu tumor kecil yang berkembang di dalam kelenjar pituitari yang berupaya mengawal fungsi kelenjar adrenal untuk merembeskan kortisol dalam kuantiti yang berlebihan.

Tanda dan Gejala

Orang yang mengalami sindrom Cushing mungkin mengalami beberapa tanda dan gejala berikut (Gambarajah 2):



Gambarajah 2 : Tanda dan gejala sindrom Cushing

Peningkatan berat badan: Pengumpulan lemak berlaku terutamanya di bahagian perut, wajah, dan leher. Ini menyebabkan obesiti abdomen, wajah yang bulat (moon face) dan bonggol kerbau (buffalo hump) di bahagian belakang pangkal leher.

Kulit tipis dan mudah berdarah: Kulit mungkin menjadi nipis dan mudah mendapat lebam atau luka.

Peningkatan risiko jangkitan: Oleh kerana kortisol yang tinggi boleh melemahkan sistem imun, maka individu yang mengalami sindrom Cushing akan lebih berisiko tinggi untuk mendapat jangkitan kuman.

Gangguan keseimbangan glukosa dalam darah: Kortisol yang tinggi boleh mengganggu pengaturan (homeostasis) glukosa dalam darah, dengan itu boleh menyebabkan terjadinya penyakit diabetes jenis 2 (type 2 diabetes mellitus).

Diagnosa

Terdapat 2 jenis ujian yang boleh dilakukan untuk mengesan sindrom Cushing.

- Ujian makmal

Pemeriksaan paras kortisol dalam air kencing dan kortisol dalam air liur pada lewat malam merupakan ujian saringan untuk mengesan sindrom Cushing. Jika ujian saringan positif, ujian pengesahan seperti ujian penindasan deksametason semalaman (dexamethasone suppression test) perlu dilakukan. Pengukuran paras ACTH dalam darah juga akan dilakukan bagi membantu menentukan punca rembesan kortisol yang tinggi.

- Ujian imbasan imejan

Ujian pengimejan seperti MRI dan CT scan juga diperlukan untuk melihat keadaan kelenjar pituitari atau adrenal jika terdapat ketumbuhan atau kanser yang menjadi punca rembesan kortisol yang berlebihan.

Adalah penting untuk ambil perhatian bahawa tafsiran ujian ini harus dilakukan oleh ahli profesional penjagaan kesihatan yang berpengalaman dalam menguruskan sindrom Cushing. Ini kerana diagnosis boleh menjadi rumit dan memerlukan pertimbangan yang teliti terhadap konteks klinikal dan keputusan ujian.

Rawatan

Rawatan bagi Sindrom Cushing bergantung kepada punca sindrom tersebut:

- Punca Luaran: Biasanya melibatkan pengurangan dos steroid secara berperingkat atau menggunakan alternatif rawatan lain jika mungkin. Pengurangan dos steroid secara berperingkat adalah penting bagi mengelakkan paras kortisol menurun secara mendadak selain memastikan badan pesakit dapat menyesuaikan diri terhadap perubahan yang berlaku.
- Punca Dalaman: Boleh melibatkan pembedahan untuk membuang tumor, terapi radiasi, atau pengurusan lain yang ditentukan oleh pakar endokrinologi.

Prognosis dan Pengurusan Jangka Panjang

Dengan rawatan yang betul, kebanyakan individu dengan Sindrom Cushing mempunyai harapan yang cerah untuk pulih. Walau

bagaimanapun, pengurusan jangka panjang diperlukan untuk memantau tahap hormon dan mencegah komplikasi jangka panjang seperti osteoporosis atau penyakit kardiovaskular.

Kesimpulan

Sindrom Cushing adalah keadaan endokrin yang kompleks yang disebabkan oleh pengeluaran kortisol yang berlebihan dalam badan. Pemahaman tentang punca, gejala, prosedur pengesanan, dan pilihan rawatan adalah penting untuk pengurusan dan pemulihan kesihatan individu yang mengalaminya.

Innovative Healthcare: The Rise of Augmented Reality (AR) and Virtual Reality (VR)

Expert Column

02 JULY 2024 / BY NURDIANA BINTI HAJI ZAINOL ABIDIN



Profile photo

📷 Photo By Dr. Nurdiana Zainol Abidin

The health and wellness sector is on the brink of revolution, thanks to Augmented Reality (AR) and Virtual Reality (VR) (Shaikh, Dar, & Sofi, 2022). These technologies offer immersive experiences that can significantly enhance various aspects of healthcare, from training medical professionals to treating patients. This article explores the future integration of AR and VR in health, focusing on current technologies, innovations, potential applications, and future research directions.

The convergence of AR and VR for holistic health

The integration of AR and VR is creating holistic health solutions that were once the stuff of science fiction. This convergence allows for a more comprehensive approach to healthcare, addressing both physical and mental well-being. So, what is AR and VR? At their core, AR and VR are transformative technologies that alter our interaction with the world. AR overlays digital information onto the real world, enhancing the user's perception and interaction with their environment. Imagine looking at a patient and seeing their vital signs, medical history, and even potential treatment options displayed in real-time over their body. In contrast, VR immerses users in a completely virtual environment, enabling experiences that are otherwise inaccessible. For instance, patients undergoing physical rehabilitation can use VR to engage in simulated exercises that feel real, thereby increasing motivation and adherence to treatment protocols.

One promising application of AR and VR is in the field of medical training. AR can provide real-time data and visualizations during surgeries, enhancing the surgeon's precision and reducing the likelihood of errors (Brockmeyer et al., 2023). VR, on the other hand, offers immersive simulation environments for medical students to practice procedures without the risk of harming real patients (Pottle, 2019). This hands-on training is invaluable, providing a level of preparedness that traditional methods cannot match.

Potential applications in health and wellness

The potential applications of AR and VR in health and wellness are vast and varied (Javvaji et al., 2024). One significant area is mental health. VR therapy is currently being used to treat conditions such as PTSD, anxiety, and phobias by exposing patients to controlled virtual environments where they can confront their fears in a safe space (Maples-Keller et al., 2017). AR can complement these treatments by providing mindfulness exercises and real-time biofeedback during everyday activities, helping patients manage stress and anxiety more effectively.

Another promising application of AR and VR is in physical rehabilitation. AR and VR can gamify physical therapy, making exercises more engaging and motivating for patients. This can be particularly beneficial for children and elderly patients who might find traditional rehabilitation methods monotonous and challenging (Aderinto et al., 2023). Additionally, AR can provide real-time feedback on posture and movement, helping patients perform exercises correctly and avoid further injury (Chang, Song & Cen, 2022).

Beyond professional applications, AR and VR have profound implications for patient empowerment. Individuals can use AR to manage their health more effectively, such as through applications that provide real-time feedback on exercise form or dietary choices. VR can offer patients immersive educational experiences, helping them understand complex medical procedures or conditions through interactive simulations.

The next frontier in immersive health tech

The future of AR and VR in health lies in their ability to create increasingly immersive and personalized experiences. As technology advances, we can expect more sophisticated and realistic simulations that can replicate complex medical scenarios. This will be particularly useful in surgical training, where VR can provide detailed simulations of rare and complicated procedures (Tene et al., 2024).

Furthermore, the integration of AI with AR and VR will enable the development of adaptive learning systems that can tailor training programs to the individual needs of medical professionals. These systems can track progress and provide personalized feedback, ensuring that learners receive the support they need to master their skills (Tene et al., 2024).

Future research directions and potential breakthroughs

The future of AR and VR in health will be shaped by ongoing research and technological advancements. One key area of research is the development of more accurate and responsive AR and VR systems. This includes improving the resolution and field of view of VR headsets, enhancing the realism of virtual environments, and developing more precise AR overlays that can be used in real-time medical applications (Taghian et al., 2023).

Another important research direction is the exploration of the long-term effects of AR and VR use in healthcare. While these

technologies offer many benefits, it is crucial to understand their potential risks and limitations. This includes studying the psychological and physiological impacts of prolonged AR and VR use, as well as developing guidelines for their safe and effective implementation in healthcare settings (Baniasadi, Ayyoubzadeh, & Mohammadzadeh, 2020).

Finally, future research should focus on the accessibility and affordability of AR and VR technologies. To ensure that these innovations benefit as many people as possible, it is essential to develop cost-effective solutions that can be widely adopted in various healthcare settings, including low-resource environments (Baniasadi, Ayyoubzadeh, & Mohammadzadeh, 2020).

Conclusion

The integration of AR and VR in health and wellness represents a significant advancement in medical technology. These immersive technologies have the potential to transform medical training, enhance mental health treatments, and improve physical rehabilitation. As research and technology continue to evolve, we can expect even more innovative applications and breakthroughs in the field of AR and VR healthcare. The future holds great promise for these technologies, making healthcare more effective, engaging, and accessible for all.

References:

1. Shaikh, T. A., Dar, T. R., & Sofi, S. (2022). A data-centric artificial intelligent and extended reality technology in smart healthcare systems. *Social network analysis and mining*, 12(1), 122. <https://doi.org/10.1007/s13278-022-00888-7>
2. Brockmeyer, P., Wiechens, B., & Schliephake, H. (2023). The Role of Augmented Reality in the Advancement of Minimally Invasive Surgery Procedures: A Scoping Review. *Bioengineering* (Basel, Switzerland), 10(4), 501. <https://doi.org/10.3390/bioengineering10040501>
3. Pottle J. (2019). Virtual reality and the transformation of medical education. *Future healthcare journal*, 6(3), 181–185. <https://doi.org/10.7861/fhj.2019-0036>
4. Javvaji, C. K., Reddy, H., Vagha, J. D., Taksande, A., Kommareddy, A., & Reddy, N. S. (2024). Immersive Innovations: Exploring the Diverse Applications of Virtual Reality (VR) in Healthcare. *Cureus*, 16(3), e56137. <https://doi.org/10.7759/cureus.56137>
5. Maples-Keller, J. L., Bunnell, B. E., Kim, S. J., & Rothbaum, B. O. (2017). The Use of Virtual Reality Technology in the Treatment of Anxiety and Other Psychiatric Disorders. *Harvard review of psychiatry*, 25(3), 103–113. <https://doi.org/10.1097/HRP.0000000000000138>
6. Aderinto, N., Olatunji, G., Abdulbasit, M. O., Edun, M., Aboderin, G., & Egbunu, E. (2023). Exploring the efficacy of virtual reality-based rehabilitation in stroke: a narrative review of current evidence. *Annals of medicine*, 55(2), 2285907. <https://doi.org/10.1080/07853890.2023.2285907>
7. Chang, H., Song, Y., & Cen, X. (2022). Effectiveness of Augmented Reality for Lower Limb Rehabilitation: A Systematic Review. *Applied bionics and biomechanics*, 2022, 4047845. <https://doi.org/10.1155/2022/4047845>
8. Tene, T., Vique López, D. F., Valverde Aguirre, P. E., Orna Puente, L. M., & Vacacela Gomez, C. (2024). Virtual reality and augmented reality in medical education: an umbrella review. *Frontiers in digital health*, 6, 1365345. <https://doi.org/10.3389/fdgth.2024.1365345>
9. Taghian, A., Abo-Zahhad, M., Sayed, M. S., & Abd El-Malek, A. H. (2023). Virtual and augmented reality in biomedical engineering. *Biomedical engineering online*, 22(1), 76. <https://doi.org/10.1186/s12938-023-01138-3>
10. Baniasadi, T., Ayyoubzadeh, S. M., & Mohammadzadeh, N. (2020). Challenges and Practical Considerations in Applying Virtual Reality in Medical Education and Treatment. *Oman medical journal*, 35(3), e125. <https://doi.org/10.5001/omj.2020.43>

Potensi Seni Kaligrafi dalam Kesehatan Kognitif Warga Tua

Expert Column



Seni kaligrafi Islam

Photo By Noor Mastura Mohd Mujar

Ketika dunia bergelut dengan cabaran populasi yang semakin tua, mencari kaedah yang inovatif dan berkesan untuk mengekalkan dan meningkatkan kesihatan kognitif di kalangan warga tua menjadi keutamaan. Salah satu pendekatan yang berpotensi adalah seni kaligrafi. Seni purba yang dihormati kerana keindahan dan ketepatannya kini dikenalpasti berpotensi untuk menggalakkan kesejahteraan kognitif di kalangan warga tua.

Kaligrafi, adalah seni tulisan tangan yang indah dengan ciri-ciri estetik. Ianya melibatkan kemahiran motor halus, daya tumpuan dan ingatan. Unsur-unsur ini adalah penting untuk mengekalkan fungsi kognitif bagi meningkatkan kemahiran psikomotor dan koordinasi. Seni kaligrafi memerlukan pergerakan tangan yang tepat dan kawalan motor halus dimana ianya membantu meningkatkan ketangkasan dan koordinasi tangan-mata yang sering terkesan dan merosot terutamanya warga tua. Seni ini memerlukan tumpuan yang tinggi dan perhatian yang berterusan juga mampu meningkatkan konsentrasi dan tumpuan di kalangan warga tua. Amalan lukisan kaligrafi yang tetap dan berkala ini berpotensi meningkatkan kejelasan mental secara keseluruhan. Proses pembelajaran dan mengingat sapuan dan gaya kaligrafi yang berbeza boleh merangsang pengekalan dan ingatan. Ini mampu memberi manfaat terutamanya dalam memerangi kemerosotan ingatan yang berkaitan dengan usia, seperti Demensia dan Alzheimer. Selain itu, seni kaligrafi juga berkait rapat dengan dimensi kerohanian dan meditasi. Maksud sesebuah perkataan, pergerakan berirama dan tumpuan yang diperlukan boleh membawa kepada keadaan kesedaran, mengurangkan tekanan dan menggalakkan kesejahteraan emosi.

Seni kaligrafi berpotensi sebagai inovasi sosial dengan menyediakan ruang untuk berinteraksi dalam aktiviti berkumpulan. Penglibatan sosial adalah faktor utama dalam mengekalkan kesihatan kognitif dan mencegah perasaan kesunyian dan pengasingan, yang biasa berlaku dalam kalangan warga tua dan berpenecen. Melalui aktiviti berkumpulan seperti bengkel kaligrafi boleh memupuk semangat kemasyarakatan dan kekitaan. Interaksi sosial boleh meningkatkan kesejahteraan emosi dan memberikan rangsangan kognitif melalui pengalaman pembelajaran yang dikongsi secara berkumpulan, selain memupuk pembelajaran antara dua generasi; tua dan muda bagi mewujudkan hubungan bermakna bersama.

Kajian terbaru mendedahkan asas saintifik faedah kaligrafi. Penyelidikan telah menunjukkan bahawa melibatkan diri dalam aktiviti yang memerlukan kemahiran motor halus dan penglibatan daya tumpuan boleh membawa kepada peningkatan dalam fungsi kognitif. Kajian mendapati bahawa individu warga emas yang kerap melakukan aktiviti rangsangan mental seperti kaligrafi, menunjukkan kadar penurunan kognitif yang lebih perlahan berbanding mereka yang tidak melakukan aktiviti sedemikian. Kajian itu menekankan kepentingan pembelajaran sepanjang hayat dan penglibatan mental dalam menggalakkan kesihatan kognitif. Satu lagi kajian yang diterbitkan dalam satu lagi kajian mendapati bahawa peserta yang mengamalkan kaligrafi mempamerkan tahap kebimbangan yang berkurangan dan meningkatkan kesejahteraan mental. Penemuan ini mencadangkan bahawa seni kaligrafi boleh menjadi alat yang berharga dalam pendekatan holistik untuk penjagaan warga tua, dengan menyepadukan dimensi kognitif, emosi, sosial dan rohani.

Keunikan seni kaligrafi melangkaui keindahan visualnya. Ia merangkumi faedah kognitif, emosi, sosial dan rohani yang mendalam, sesuai dengan warga tua. Seiring kemajuan yang menumpukan pada penyelesaian berteknologi tinggi, amalan seni kaligrafi yang ringkas dan praktikal mengingatkan kita tentang kesan mendalam seni tradisional terhadap kesihatan dan kesejahteraan moden. Potensi seni kaligrafi sama ada Islam, Cina atau lain-lain, menawarkan gabungan unik ekspresi artistik, rangsangan kognitif, dan pengayaan rohani, menjadikannya amalan yang berharga untuk mempromosikan kesihatan kognitif dan kesejahteraan dalam kalangan warga tua.

REFERENCES

1. The Malay Reserve. Malaysia attained ageing nation status. The Malaysian Reserve [Internet]. 2023;1–14. Available from: <https://www.ncbi.nlm.nih.gov/books/NBK558907/>
2. Ali MF, Ja'afar NIS, Krishnan TG, Zulkifle MAM, Khaidzir NK, Jamil TR, et al. Dementia awareness among elderly at risk for developing mild cognitive impairment: a cross sectional study at a university-based primary care clinic. BMC Geriatr [Internet]. 2023;23(1):1–11. Available from: <https://doi.org/10.1186/s12877-023-04230-4>
3. Dahlan A, Ungku Mohd Zam UAA, Kandayah T, Nurhidayah N. Effects of Malaysian Cognitive Stimulation Therapy (CST-M) for older people with mild dementia. Environ Proc J [Internet]. 2022;7(21):187–93. Available from: <http://dx.doi.org/10.21834/ebpj.v7i21.3737>
4. Zilidou V, Petsani D, Billis A, Bamidis P. Creative Art Therapy as an Efficient Way to Improve the Well-Being of People Living with Dementia. Stud Health Technol Inform. 2023;305:553–7.
5. Liu Q, Wang F, Tan L, Liu L, Cheng H, Hu X. Comparative efficacy of various art therapies for patients with dementia: A network meta-analysis of randomized controlled trials. Front Psychiatry. 2023;14(January):1–8.
6. The Star. Embracing an ageing population. The Star [Internet]. 2022;8–11. Available from: <https://www.thestar.com.my/business/business-news/2022/10/08/embracing-an-ageing-population>
7. Jin M, Cai SQ. Mechanisms Underlying Brain Aging Under Normal and Pathological Conditions. Neurosci Bull [Internet]. 2023;39(2):303–14. Available from: <https://doi.org/10.1007/s12264-022-00969-9>
8. Wolf A, Tripanpitak K, Umeda S, Otake-Matsuura M. Eye-tracking paradigms for the assessment of mild cognitive impairment: a systematic review. Front Psychol. 2023;14(July):1–24.
9. Ruiz-Garcia R. The growing evidence of neurodegenerative diseases risk factors. Rev Mex Neurocienc. 2023;24(1):1–2.
10. Masika GM, Yu DSF, Li PWC, Lee DTF, Nyundo A. Visual Art Therapy and Cognition: Effects on People with Mild Cognitive Impairment and Low Education Level. Vol. 77, Journals of Gerontology – Series B Psychological Sciences and Social Sciences. 2022. 1051–1062 p.

Astatine-211: Novel targeted therapy against cancer

Expert Column

01 JULY 2025 / BY YING CHEE KEAT



The accelerator located in RCNP. The pictures were taken by the author during a visit to RCNP at Osaka University

Photo By Ying Chee Keat

Targeted alpha therapy (TAT) is an emerging and highly promising form of radiopharmaceutical therapy that involves the use of alpha-emitting isotopes to target and destroy cancer cells in the human body by injecting alpha particle-emitting radionuclides into the tumor tissue. Astatine-211, an alpha particle-emitting radionuclide, has a high energy to kill tumor cells but low penetrating power, so the risk of damage to surrounding healthy tissue is reduced [1].

The Research Center for Nuclear Physics (RCNP) at Osaka University's Suita Campus has the largest cyclotron accelerator on a university campus in Japan. Researchers utilise the RCNP cyclotron facility to perform various types of experiments, such as studying the structure and response of atomic nuclei, as well as investigating the mechanism of nucleosynthesis using light and heavy ions such as protons, alphas and oxygen ions. Astatine-211 is made by bombarding bismuth with helium followed by extraction using the accelerator. RCNP has the capability to mass-produce astatine-211 (^{211}At), a radioisotope used in targeted alpha therapy (TAT) [2].



Photo: The accelerator located in RCNP. The pictures were taken by the author during a visit to RCNP at Osaka University

